



2019

LAPORAN TAHUNAN
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Kandungan

| | |
|---|------------|
|  | Muka surat |
| 01 Profil Korporat | 03 |
|  | |
| 02 Perutusan | 06 |
|  | |
| 03 Anggota Perbadanan | 13 |
|  | |
| 04 Kumpulan Pengurusan | 16 |
|  | |
| 05 Prestasi Harta Intelek | 24 |
| • Paten dan Perbaharuan Utiliti | |
| • Cap Dagangan | |
| • Reka Bentuk Perindustrian | |
| • Petunjuk Geografi | |
| • Hak Cipta | |
| • Prestasi Cawangan MyIPO | |
|  | Muka surat |
| 06 Pengurusan Maklumat | 56 |
| dan Pentadbiran | |
|  | |
| 07 Pembangunan Modal | 61 |
| Insan | |
|  | |
| 08 Pemerkasaan Harta | 74 |
| Intelek | |
|  | |
| 09 Kerjasama Strategik | 85 |
|  | |
| 10 Laporan Kewangan | 100 |
|  | |
| 11 Penyata Kewangan | 108 |





01

Profil Korporat


Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah ditubuhkan pada 3 Mac 2003 dengan berkuatkuasanya Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002. MyIPO adalah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pembangunan sistem harta intelek serta bertindak sebagai agensi Kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

MyIPO mentadbir dan menguatkuaskan Perundangan Harta Intelek yang terdiri daripada Akta Paten 1983, Akta Hak Cipta 1987, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000, Akta Petunjuk Geografi 2000, Akta Cap Dagangan 2019 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. MyIPO merupakan agensi tunggal yang menyediakan perkhidmatan pendaftaran harta intelek di Malaysia. MyIPO turut mengadakan program kesedaran mengenai kepentingan perlindungan harta intelek dan menyediakan latihan harta intelek yang dikendalikan oleh Akademi Harta Intelek.



Visi

Menjadi sebuah organisasi harta intelek terbaik



Misi

Menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang cekap ke arah meningkatkan kreativiti dan eksplotasi harta intelek

Lagu Rasmi

Paten idea baru ciptaan
Perlindungan kami berikan
Juga cap dagangan hakcipta
Dikenali di seluruh dunia

Kreatif serta yang asli
Reka bentuk pemaju industri
Masyhur seantero negeri
Petunjuk geografi

Kami sedia membantu, di MyIPO
Melindungi harta intelek
Pemudah pendaftaran, ciptaan
Efisien dan juga mesra

Meletakkan negara Malaysia
Setanding dengan negara yang maju
Menjamin semua perlindungan
Hak harta intelek

Kami sedia membantu, di MyIPO
Melindungi harta intelek
Bersikap profesional, sedia
Dalam segala tindakan

Kami sedia membantu, di MyIPO



OBJEKTIF

- Mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan;
- Memperkuatkuhkan perundangan harta intelek;
- Menyediakan maklumat harta intelek yang lengkap dan mesra pengguna;
- Menggalakkan program kesedaran awam mengenai kepentingan harta intelek; dan
- Menyediakan khidmat nasihat harta intelek.

FUNGSI

02

Memberikan perkhidmatan pengurusan, memungut dan menguatkuasakan bayaran fi atau apa-apa caj berkaitan

03

Menyemak serta mengemas kini perundangan harta intelek mengikut keperluan dan perkembangan semasa

01

Mentadbir undang-undang harta intelek dan memantau pelaksanaannya

04

Menjalinkan hubungan kerjasama dalam dan luar negara serta sebagai subject matter expert



08

Memberi pandangan dalam apa-apa isu berkaitan harta intelek

07

Menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan harta intelek

06

Menggalak dan mempertingkatkan latihan serta penyebaran maklumat

05

Memastikan kepentingan negara dalam apa-apa perjanjian atau konvensyen antarabangsa berkaitan harta intelek yang Malaysia menjadi ahlinya terpelihara

PERKHIDMATAN

Pendaftaran paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi



Menyediakan maklumat harta intelek



Memberi khidmat nasihat harta intelek



Pemberitahuan sukarela hak cipta



Perkhidmatan dalam talian carian, permohonan dan semakan status pendaftaran



Latihan harta intelek



Peperiksaan ejen paten



Helpdesk



PERUTUSAN MENTERI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulilah, segala puji ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, MyIPO berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2019 sebagai wadah dokumentasi sumber maklumat dan rujukan penting kepada hala tuju dan visi MyIPO sepanjang tahun 2019. Syabas saya ucapan kepada semua warga kerja MyIPO yang telah menyumbang idea, kepakaran, komitmen serta tenaga dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. 2019 menyaksikan pengukuhan harta intelek berskala besar melalui penggubalan Akta Cap Dagangan 2019 yang telah digubal bagi mengantikan Akta Cap Dagangan 1976 di mana akta ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 2 Julai 2019 dan seterusnya pada 23 Julai 2019 diluluskan di Dewan Negara.

Penggubalan Akta Cap Dagangan 2019 membuktikan bahawa Kerajaan komited untuk mewujudkan sistem pendaftaran dan perlindungan cap dagangan yang moden, komprehensif dan efektif yang dapat memenuhi keperluan komuniti perniagaan dan selaras dengan perkembangan harta intelek antarabangsa. Selaras dengan penggubalan Akta Cap Dagangan 2019 ini juga, Malaysia telah menyertai Protokol Madrid pada 27 September 2019 yang turut membolehkan Sistem Madrid dilaksanakan di negara ini. Malaysia merupakan ahli ke 106 dalam keanggotaan Protokol Madrid.



Sistem Madrid adalah sistem pendaftaran antarabangsa di bawah pentadbiran Biro Antarabangsa *World Intellectual Property Organization* (WIPO) yang juga merupakan satu mekanisma dan kemudahan yang dinantikan oleh peniaga-peniaga luar negara terutamanya dari kalangan rakan dagangan utama negara seperti negara-negara ASEAN, Amerika Syarikat, China, Jepun, Korea Selatan dan negara-negara Eropah. Peniaga-peniaga luar negara boleh mendapatkan perlindungan cap dagangan mereka di Malaysia dengan mengemukakan permohonan melalui Sistem Madrid tanpa perlu membuat pemfailan secara langsung di Malaysia. Selain itu, sistem ini dapat membantu usahawan tempatan mendapatkan perlindungan cap dagangan mereka di luar negara dengan kos pemfailan yang jauh lebih murah jika dibandingkan pemfailan di setiap negara tanpa menggunakan Sistem Madrid.

Kejayaan MyIPO memperkenalkan Sistem Madrid ini dijangka akan meningkatkan pelaburan asing ke Malaysia dan seterusnya menambah pemfailan permohonan susulan penguatkuasaan Akta Cap Dagangan 2019. Penguatkuasaan akta ini juga mampu mendorong lebih ramai usahawan tempatan untuk melindungi cap dagangan mereka dan kekal berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Saya juga optimis bahawa MyIPO berupaya untuk mengembangkan peranannya dalam membantu pemilik-pemilik untuk mengkomersialkan harta intelek mereka. Sesungguhnya, pengkomersialan merupakan aspek yang penting dalam ekosistem harta intelek kerana pengkomersialan mampu menawarkan manfaat kepada industri, negara dan dapat dikongsi manfaatnya oleh seluruh rakyat Malaysia. Diharapkan supaya pihak industri dan universiti serta agensi berkaitan dapat bekerjasama dengan MyIPO dalam mempergiatkan lagi aktiviti pengkomersialan harta intelek tempatan. Seterusnya menggalakkan penghasilan lebih banyak harta intelek yang berpotensi untuk dikomersialkan dan mampu menjana pendapatan yang menguntungkan.

Kesemua transformasi dan strategi yang telah digerakkan oleh MyIPO merupakan cerminan usaha Kerajaan dalam mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan bermutu tinggi dalam mempromosi produk-produk dan jenama ciptaan tempatan serta merangka strategi perniagaan yang lebih kompetitif di pasaran tempatan dan antarabangsa. Usaha ini juga melambangkan kesungguhan MyIPO dalam memperkasakan sektor harta intelek setaraf dengan amalan yang diguna pakai organisasi harta intelek seluruh dunia. Akhir kata, saya berharap usaha-usaha yang telah diambil oleh MyIPO melalui program-program yang dijalankan berupaya menghasilkan impak yang positif dan diteruskan sebagai usaha kita memantapkan landskap harta intelek negara dalam mendepani cabaran era globalisasi dan ekonomi masa kini.

Sekian, terima kasih.

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA



PERUTUSAN PENGERUSI

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya, Laporan Tahunan 2019 yang bakal menjadi rujukan Kementerian, agensi-agensi kerajaan, korporat dan universiti ini diterbitkan dengan jayanya. MyIPO komited meneruskan legasi gemilang tahun-tahun sebelumnya dalam mendepani cabaran era ekonomi dan teknologi baru ke arah kecemerlangan yang lebih membanggakan selangkah memasuki tahun 2020.

Bagi memastikan kecemerlangan ini berterusan, program-program yang dirangka dan dijalankan oleh MyIPO dalam memperkasa kepentingan perlindungan dan pembudayaan harta intelek di dalam masyarakat telah mendapat maklum balas positif. Proses pembudayaan harta intelek sebagai wadah kehidupan dan gaya hidup masyarakat menjadi impian setiap pemimpin dan warga MyIPO dan akan dapat direalisasikan sedikit masa lagi dengan giat usaha berterusan semua pihak. Pembudayaan seiring dengan pengkomersialan harta intelek dalam masyarakat mampu melonjakkan lagi ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi. Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab MyIPO memastikan kelancaran sistem penyampaian perkhidmatan dan tatakerja pada tahap yang membanggakan dalam memberikan khidmat terbaik kepada masyarakat.

PRESTASI KEWANGAN 2019

MyIPO telah mencatatkan pendapatan keseluruhan berjumlah RM80.33juta dengan penurunan sebanyak RM6.32juta (-7.29%) berbanding tahun 2018 iaitu RM86.65juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM76.52juta adalah hasil operasi termasuk daripada pejabat cawangan iaitu penurunan sebanyak RM5.24juta (-6.41%) berbanding tahun 2018 iaitu RM81.76juta. Pendapatan operasi adalah terdiri daripada hasil operasi cap dagangan RM45.19juta, paten RM25.56 juta, reka bentuk perindustrian RM5.29juta, hak cipta RM0.47juta dan petunjuk geografi RM0.01juta. Manakala pendapatan bukan operasi adalah terdiri daripada sewaan ruang pejabat dan pusat latihan, jualan aset, pendapatan faedah dan pelunasan geran kerajaan yang menyumbang kepada pendapatan MyIPO berjumlah RM3.81juta, menunjukkan penurunan sebanyak RM1.07juta (-21.93%) berbanding tahun 2018 iaitu RM4.88juta.

PENCAPAIAN 2019

Sejumlah 56,186 permohonan harta intelek telah diterima pada 2019 dengan peningkatan sebanyak 3,188 permohonan (6.0%) berbanding 2018 iaitu 52,998. Bagi cap dagangan, sebanyak 46,530 permohonan telah diterima dengan peningkatan sebanyak 2,874 permohonan (6.6%) berbanding tahun sebelumnya iaitu 43,656 permohonan. Manakala bagi permohonan paten, jumlah permohonan mencatatkan peningkatan sebanyak 250 permohonan (3.3%) kepada 7,743 permohonan berbanding 2018 sebanyak 7,493 permohonan. Bagi reka bentuk perindustrian, sebanyak 1,904 permohonan telah diterima dengan peningkatan sebanyak 59 permohonan (3.2%) berbanding tahun sebelumnya sebanyak 1,845 permohonan. Petunjuk geografi juga menunjukkan peningkatan sebanyak lima permohonan (125.0%) dengan jumlah keseluruhan sebanyak sembilan permohonan berbanding 2018 iaitu empat permohonan. Permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta pula mencatatkan 8,839 permohonan dengan peningkatan sebanyak 1,761 permohonan (24.9%) berbanding 2018 iaitu 7,078 permohonan.

Bagi pendaftaran harta intelek pula, sejumlah 24,933 pendaftaran telah dicatatkan berbanding 2018 iaitu sebanyak 40,428 pendaftaran dengan penurunan sebanyak 15,495 pendaftaran (-38.3%). Berdasarkan kepada jumlah tersebut, sebanyak 19,481 cap dagangan telah didaftarkan dan jumlah ini menurun sebanyak 15,085 pendaftaran (-43.6%) berbanding 34,566 pada 2018. Sebanyak 4,213 pemberian paten telah dikeluarkan dengan penurunan sebanyak 169 paten (-3.9%) berbanding 2018 iaitu 4,382 paten. Bagi reka bentuk perindustrian, sebanyak 1,238 permohonan telah didaftarkan pada 2019 berbanding 1,475 pendaftaran bagi 2018 dengan penurunan sebanyak 237 (-16.0%). Manakala bagi pendaftaran petunjuk geografi, sebanyak satu permohonan telah didaftarkan berbanding lima pendaftaran pada 2018.

Saya percaya MyIPO akan meneruskan usaha untuk memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dan pihak berkepentingan bagi memastikan para pemilik harta intelek berdaftar dapat menikmati hak eksklusif di bawah perundangan harta intelek. MyIPO perlu selangkah terkedepan bagi memastikan Sistem Pengurusan Harta Intelek sedia ada kekal relevan di dalam era Transformasi Digital Revolusi Perindustrian 4.0 masa kini agar urusan dan proses berkaitan pendaftaran harta intelek lancar dan sistematik.



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Dalam usaha membudayakan harta intelek dalam masyarakat selain merancakkan lagi pembangunan sosio-ekonomi negara, MyIPO meneruskan penyediaan Dana Pemfailan Harta Intelek bagi tahun 2019. Peruntukan yang diberikan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia ke-11 sebanyak RM2.5juta bagi tempoh lima tahun (2016-2020) merupakan salah satu inisiatif dalam merancakkan aktiviti inovasi, pembudayaan dan pengkomersialan harta intelek. Dana ini diberikan khusus kepada golongan belia, pelajar sekolah serta kolej kemahiran dan komuniti setempat yang merangkumi pembiayaan fi bagi pemfailan semua komponen harta intelek termasuk pemfailan petunjuk geografi dan kos bagi kerja yang memerlukan khidmat profesional dan teknikal seperti paten. Inisiatif ini berhasil meningkatkan jumlah pemfailan harta intelek tempatan serta melahirkan lebih banyak reka cipta dan jenama baru yang berpotensi di pasaran. Selain itu, MyIPO turut menjalankan 196 program kesedaran di seluruh negara sepanjang tahun yang merangkumi seminar, bengkel, pameran dan aktiviti turun padang yang bersasarkan golongan akademik, pelajar, usahawan khususnya perusahaan kecil dan sederhana serta masyarakat umum.

Melangkah ke hadapan, MyIPO akan terus memberi nilai tambah dalam perkhidmatannya kepada pihak berkepentingan dan para pelanggan. MyIPO juga akan terus meluaskan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam dan luar negara terutamanya dengan pejabat-pejabat harta intelek serantau bagi kemajuan sektor harta intelek negara.

Sekian, terima kasih.

DR. ROZHAN BIN OTHMAN
PENGURUSI
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA



PERUTUSAN KETUA PENGARAH



Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

Pertamanya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak berkepentingan, para pelanggan dan rakan strategik atas sokongan yang berterusan kepada MyIPO. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga kerja MyIPO atas kegigihan, komitmen dan dedikasi dalam terus berusaha untuk melonjakkan prestasi organisasi ini. Pastinya, cabaran bagi kita adalah meneruskan momentum dan membawa MyIPO ke tahap yang lebih tinggi.

Berbekalkan semangat jitu dan budaya kerja yang cemerlang, MyIPO telah berjaya mengisi tahun 2019 dengan pencapaian besar untuk negara iaitu penggubalan Akta Cap Dagangan 2019, pelaksanaan Sistem Madrid serta perluasan fungsi dan bidang kuasa Tribunal Hak Cipta. Selain itu, MyIPO sentiasa meletakkan aspek integriti sebagai teras utama dalam budaya kerja dan zero tolerance terhadap rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Pada tahun ini, MyIPO mempergiatkan lagi usaha bagi meningkatkan kesedaran mengenai bahaya rasuah di kalangan warga kerja dan tidak teragak-agak untuk menguatkuasakan tindakan tatatertib terhadap sebarang ketidakpatuhan prosedur dan etika.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Sejajar menjadikan MyIPO sebuah organisasi harta intelek terbaik, warga kerjanya turut berpeluang menzahirkan penghasilan inovasi dan kreativiti melalui penglibatan dalam Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) anjuran KPDNHEP. Melalui penglibatan ini, sistem *Intellectual Property Official Fee & Value Estimation* (IPOFIVE) telah berjaya dihasilkan sebagai sistem yang mesra pengguna dalam membantu mendapatkan anggaran kos wajib pemfailan dan nilai minima harta intelek serta maklumat ejen harta intelek. Sistem ini terhasil dari penelitian yang dijalankan sebagai salah satu penambahbaikan terhadap laman sesawang MyIPO. Penambahbaikan ini perlu untuk menangani sebarang kekeliruan dan ketidakfahaman pelanggan dalam pengiraan fi yang ditawarkan oleh MyIPO selain memberi maklumat jelas berkaitan maklumat ejen atau penilai harta intelek melalui laman sesawang tersebut.

MyIPO turut memainkan peranan dalam memperkasakan masyarakat di negara ini dengan menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran mengenai kepentingan harta intelek agar masyarakat memanfaatkan peluang perlindungan harta intelek bagi menjana ekonomi mereka. Program-program seperti bengkel, seminar dan pembukaan *booth* dijalankan secara berterusan di seluruh negara di samping menyediakan khidmat nasihat bagi membantu masyarakat memfailkan harta intelek mereka.

Dalam menongkah realiti cabaran baharu, saya berharap MyIPO akan terus proaktif bagi memastikan sistem pelaksanaan perkhidmatannya memenuhi keperluan dan ekspektasi pelanggan.

Sekian, terima kasih.

DATO' MOHD ROSLAN BIN MAHAYUDIN
KETUA PENGARAH
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA



P103
Anggota
Perbadanan

2019

03 ANGGOTA PERBADANAN



**DR. ROZHAN BIN
OTHMAN**
Pengerusi



DATUK MUEZ BIN ABD. AZIZ
(Sehingga 12 Februari 2019)



**DATUK ROSTAM AFFENDI
BIN DATO' SALLEH**
(Mulai 13 Februari 2019)



**DR. NOR AZLINA BINTI
ARIFFIN**



**YM TUNKU DATUK
NAZIHAH BINTI TUNKU
MOHD RUS**



**PROF. DR. IDA MADIEHA
BINTI ABDUL GHANI AZMI**



**ENCIK MA. SIVANESAN
A/L MARIMUTHU**



**DATUK WIRA ISMAIL
BIN SALEH**



**DATO' MOHD ROSLAN
BIN MAHAYUDIN**
(Mulai 2 Januari 2019)



04 KUMPULAN PENGURUSAN



**DATO' MOHD
ROSLAN BIN
MAHAYUDIN**
Ketua Pengarah



MOHD SHAHAR BIN OSMAN
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)



ZULKARNAIN BIN MUHAMMAD
Timbalan Ketua Pengarah
(Strategik dan Teknikal)



**SH. ARIFFIN BIN SH. MOHD
NOOR**
Penolong Ketua Pengarah
(Pentadbiran dan Kewangan)



KAMAL BIN KORMIN
Penolong Ketua Pengarah
(Teknikal, Sains dan Teknologi)



**FATIMAH ROHADA BINTI
DAHALAN**
Penolong Ketua Pengarah
(Perancangan dan Pembangunan
Perniagaan)



**AZRUL SHAHREEN BIN
ABDUL AZIZ**
Penasihat Undang-Undang



**YUSNIEZA SYARMILA
BINTI YUSOFF**
Pengarah Kanan Bahagian
Dasar dan Hubungan
Antarabangsa



AKHTAR BIN SAHARI
Ketua Bahagian
Komunikasi Korporat



**MOHD NOR HAFIZ BIN ABD
MUNIR**
Ketua Bahagian Integriti



AZAHAR BIN ABDUL RAZAB
Penolong Ketua Pengarah
(Pendaftaran dan Pematuhan)



**ABDUL SATTAR BIN
HARUN**
Ketua Bahagian Audit Dalam
dan Pengurusan Kualiti



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



**AZIZAH BINTI ABD.
MUIS**

Ketua Akauntan



**SHARIFAH NADIAH
BINTI SYED SHEIKH**

Pengurus Bahagian
Pengurusan Maklumat



**MOHD HISAM BIN ABU
HASHIM**

Pengarah Bahagian
Khidmat Pengurusan



ASMAAWATI BINTI OMAR

Pengarah Bahagian
Sumber Manusia



**SR. SYED SAIFUL NIZAM
BIN SYED MUBARAT**

Pengarah Bahagian
Teknikal dan Pengurusan
Fasiliti

**PERANCANGAN DAN
PEMBANGUNAN PERNIAGAAN**



**NOOR MOHAMAD
HAZMAN BIN HAMID**
Pengarah Bahagian
Pengurusan Harta Intelek



**MOHAMED IKHWAN BIN
SHAHDZUL BAKRI**
Pengarah Bahagian
Pembangunan Perniagaan



**MOHAMED FAIRUZ BIN
MOHD PILUS**
Pengarah Akademi Harta
Intelek

TEKNIKAL, SAINS DAN TEKNOLOGI



REDZUAN BIN ALI
Pengarah Kanan
Bahagian Kejuruteraan
Paten



NORSITA BINTI ISMAIL
Pengarah Kanan
Bahagian Sains Paten
dan Pengetahuan
Tradisional



ZAITON BINTI NORDIN
Pengarah Bahagian
Formaliti Paten
dan Pendaftaran
Antarabangsa



**MOHD FAIIZUDIN BIN
MOHD SHARUJI**
Pengarah Bahagian
Reka Bentuk
Perindustrian dan Susun
Atur Litar Bersepadu

PENGARAH CAWANGAN



MOHD RADHI BIN AHMAD
Pengarah Cawangan Zon
Utara



**NURSAIDATUN SHEILA
BINTI TALIB**
Pengarah Cawangan Zon
Timur



**MOHD SUHEZEY BIN
SHAFIE**
Pengarah Cawangan Zon
Selatan



PENDAFTARAN DAN PEMATUHAN



RASHIDAH RIDHA BINTI SHEIKH KHALID
Pengarah Bahagian Hak Cipta



FARIDAH BINTI KASMADI
Pengarah Kanan Bahagian Formaliti Cap Dagangan dan Pendaftaran Antarabangsa



MOHD KHAIRI BIN MOHD SAHRUM
Pengarah Cawangan Zon Tengah



VINCENT LEJAU
Pengarah Cawangan Sarawak



NORAINAN BINTI ABD. LATIP
Pengarah Kanan Bahagian Cap Dagangan dan Petunjuk Geografi



ASMAH BINTI KHALID
Pengarah Cawangan Sabah (Menanggung)

Sorotan 2019

Pelantikan Ketua Pengarah Baru Perbadanan Harta Intelek Malaysia

Pada 2 Januari 2019, Dato' Mohd. Roslan bin Mahayudin telah dilantik bagi menggantikan mantan Ketua Pengarah MyIPO, Dato' Shamsiah binti Kamaruddin yang bersara. Dato' Mohd. Roslan bin Mahayudin telah berkhidmat lebih 31 tahun di dalam Kerajaan dan jawatan terakhir beliau adalah Pengarah Penguatkuasa, Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP.

Majlis penyampaian Nota Serah Tugas daripada mantan Ketua Pengarah telah diadakan pada 2 Januari 2019 bertempat di MyIPO. Ketua Pengarah MyIPO telah diberi taklimat dan dibawa melawat ruang kerja di setiap bahagian dan melihat kemudahan-kemudahan MyIPO.



Sambutan Hari Harta Intelek Negara 2019

Sambutan Hari Harta Intelek Negara 2019 telah diadakan pada 26 April 2019 bertempat di Bangi, Selangor bersempena *World Intellectual Property Day* yang disambut serentak di seluruh dunia. Sambutan dengan tema *Reach For Gold: IP and Sports* atau “Menggapai Emas: Harta Intelek dan Sukan” merupakan medium bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan perlindungan harta intelek serta menggalakkan minat dan penghasilan inovasi dan teknologi di samping melindungi hasil karya seni, sastera dan jenama khususnya dalam bidang sukan. Majlis perasmian disempurnakan oleh Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail yang melakukan ‘sepak mula’ bagi perlawanan futsal empat penjuru yang melibatkan pasukan bekas pemain bola sepak kebangsaan, selebriti, MyIPO dan KPDNHEP.



Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019

Rang Undang-Undang Cap Dagangan 2019 telah diluluskan oleh Parlimen pada 23 Julai 2019 dan memansuhkan Akta Cap Dagangan 1976. Akta Cap Dagangan ini dikuatkuasakan pada 27 Disember 2019. Akta ini bertujuan mewujudkan sistem pendaftaran dan perlindungan cap dagangan yang moden, komprehensif dan efektif yang mampu memenuhi keperluan komuniti perniagaan dan selaras dengan amalan antarabangsa. Skop perlindungan cap dagangan diperluaskan kepada cap dagangan bukan tradisional antaranya bunyi, bau dan tiga dimensi serta mengenakan penalti yang tinggi terhadap kesalahan di bawah akta ini bagi tujuan pencegahan pelanggaran cap dagangan.



Penyertaan Malaysia Dalam Protokol Madrid

Malaysia telah mendepositkan instrumen penyertaan *Protocol Relating to the Madrid Agreement Concerning the International Registration of Marks* (Protokol Madrid) pada 27 September 2019.

Instrumen penyertaan tersebut telah ditandatangani oleh Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail dan diserahkan kepada Ketua Pengarah WIPO, Francis Gurry di Geneva, Switzerland oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Muez Abdul Aziz serta disaksikan oleh Ketua Pengarah MyIPO, Dato' Mohd Roslan bin Mahayudin.

Penyertaan Protokol Madrid ini merupakan salah satu komitmen Malaysia di bawah ASEAN *Intellectual Property Rights Action Plan* dan menjadikan Malaysia sebagai negara ahli Protokol Madrid yang ke-106.



P05 Prestasi Harta Intelek

2019




Permohonan Harta Intelek

Jumlah Permohonan **56,186**

MyIPO telah menerima 56,186 permohonan harta intelek pada tahun 2019. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 3,188 permohonan (6.0%) berbanding 52,998 permohonan harta intelek pada 2018.

52,998
Tahun
2018



Rajah 5.1: Permohonan harta intelek, 2015 - 2019

Pendaftaran Harta Intelek

Jumlah Pendaftaran **24,933**

Sijil pendaftaran yang dikeluarkan pada 2019 adalah sebanyak 24,933 dengan penurunan sebanyak 15,495 pendaftaran (-38.3%) berbanding 40,428 pada tahun sebelumnya.

40,428
Tahun
2018



Rajah 5.2: Pendaftaran harta intelek, 2015 - 2019



Purata Permohonan Tahunan:




7,563

Rajah 5.3: Trend permohonan tahunan bagi lima tahun, 2015 - 2019




41,262

Paten dan Perbaharuan Utiliti



1,791

Cap Dagangan



Reka Bentuk Perindustrian

**Purata Pendaftaran
Tahunan:**



3,997


Rajah 5.4: Trend pendaftaran/pemberian geran tahunan bagi lima tahun, 2015 - 2019



Paten dan Perbaharuan Utiliti




29,776



Cap Dagangan



1,459



Reka Bentuk Perindustrian





Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti

Jumlah Permohonan 7,743

Sejumlah 7,743 permohonan paten dan perbaharuan utiliti telah difaikkan dengan peningkatan sebanyak 250 permohonan (3.3%) berbanding tahun 2018 iaitu 7,493 permohonan. Permohonan tempatan menyumbang sebanyak 1,182 permohonan (15.3%) manakala 6,561 (84.7%) adalah permohonan luar negara. Jumlah permohonan tempatan menunjukkan penurunan sebanyak 66 permohonan (-5.3%) berbanding tahun 2018 iaitu 1,248 permohonan. Jumlah permohonan luar negara adalah 6,561 dengan peningkatan 316 permohonan (5.1%) berbanding tahun 2018 iaitu 6,245 permohonan.

7,493
Tahun
2018




Rajah 5.5: Permohonan paten dan perbaharuan utiliti tempatan, 2015 - 2019



Rajah 5.6: Permohonan paten dan perbaharuan utiliti luar negara, 2015 - 2019

Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Paten dan Perbaharuan Utiliti





Permohonan Paten Antarabangsa

Sebanyak 189 permohonan paten antarabangsa melalui Triti Kerjasama Paten (*Patent Cooperation Treaty - PCT*) telah dicatatkan dengan peningkatan 52 permohonan (38.0%) berbanding 137 permohonan pada 2018.



Rajah 5.8: Permohonan paten antarabangsa, 2015 - 2019

Permohonan Pemeriksaan Paten Dipercepatkan

Sejumlah 79 permohonan pemeriksaan paten dipercepatkan telah difaillkan dengan peningkatan 28 permohonan (54.9%) berbanding 51 permohonan pada 2018.



Rajah 5.9: Permohonan pemeriksaan paten dipercepatkan, 2015 - 2019



Pemberian Geran Paten dan Perbaharuan Utiliti

Jumlah Pemberian Geran 4,213

4,382
Tahun
2018

Sebanyak 4,213 pemberian geran paten dan perbaharuan utiliti telah dikeluarkan pada 2019 dengan penurunan 169 paten (-3.9%) berbanding 4,382 paten pada 2018. Daripada jumlah tersebut, 655 (15.5%) adalah paten tempatan dan 3,558 (84.5%) adalah paten dari luar negara. Pemberian geran paten tempatan meningkat sebanyak 128 (24.3%) berbanding tahun 2018 iaitu 527. Manakala pemberian geran paten dari luar negara menurun sebanyak 297 (-7.7%) berbanding 3,855 pada 2018.



Rajah 5.10: Pemberian geran paten dan perbaharuan utiliti tempatan, 2015 - 2019



Rajah 5.11: Pemberian geran paten dan perbaharuan utiliti luar negara, 2015 - 2019





Sepuluh Negara Teratas bagi Pemberian Geran Paten dan Perbaharuan Utiliti

1

**967**

Jepun

2

**902**

Amerika Syarikat

Rajah 5.12: Sepuluh negara teratas bagi pemberian geran paten dan perbaharuan utiliti, 2019

3

**655**

Malaysia

6

**171**

China

7

**130**

Korea Selatan

4

**241**

Jerman

8

**119**

Belanda

9

**117**

United Kingdom

10

**108**

Perancis

5

**200**

Switzerland

Pemberian Geran Paten dan Perbaharuan Utiliti berasaskan Bidang Teknologi

Pemberian Geran Paten **4,213**

Sebanyak 4,213 pemberian geran paten telah dikeluarkan berasaskan bidang teknologi mengikut pecahan yang berikut:

Bagi Seksyen Teknologi Keperluan Manusia (Seksyen A), sejumlah 868 geran paten telah dikeluarkan dengan peningkatan sebanyak 70 (8.8%) berbanding tahun 2018 iaitu 798. Sebanyak 644 geran paten telah dikeluarkan bagi Seksyen Pelaksanaan Operasi, Pengangkutan (Seksyen B) dengan penurunan sebanyak 105 (-14.0%) berbanding tahun 2018 iaitu 749.

Manakala 1,292 geran paten bagi Seksyen Kimia, Logam (Seksyen C) telah dikeluarkan meningkat sebanyak 397 (44.4%) berbanding tahun 2018 iaitu 895. Sejumlah 43 geran paten bagi Seksyen Tekstil, Kertas (Seksyen D) telah dikeluarkan menurun sebanyak tujuh paten (-14.0%) berbanding tahun 2018 iaitu 50.


235 geran paten bagi Seksyen Binaan Tetap (Seksyen E) dikeluarkan iaitu menurun sebanyak 92 (-28.1%) berbanding tahun 2018 iaitu 327. Sebanyak 175 geran paten bagi Seksyen Kejuruteraan Mekanikal, Pencahayaan, Pemanasan, Senjata, Letupan (Seksyen F) telah dikeluarkan dengan penurunan sebanyak 161 paten (-47.9%) berbanding tahun 2018 iaitu 336.

Bagi Seksyen Fizik (Seksyen G), sejumlah 412 geran paten telah dikeluarkan menunjukkan penurunan sebanyak 129 paten (-23.8%) berbanding tahun 2018 iaitu 541. Manakala 544 geran paten bagi Seksyen Elektrik (Seksyen H), telah dikeluarkan iaitu menurun sebanyak 142 paten (-20.7%) berbanding tahun 2018 iaitu 686.

Rujukan:


Klasifikasi Paten Antarabangsa (*International Patent Classification*)
Seksyen A sehingga H adalah klasifikasi di bawah *International Patent Classification*





Pembaharuan Paten

Sebanyak 26,442 paten telah diperbaharui dengan peningkatan 7,499 pembaharuan (39.6%) berbanding tahun 2018 iaitu 18,943.



Rajah 5.14: Pembaharuan paten, 2015 - 2019





Permohonan Cap Dagangan

Jumlah Permohonan 46,530

Sejumlah 46,530 permohonan cap dagangan telah difaikkan dengan peningkatan sebanyak 2,874 (6.6%) berbanding tahun 2018 sebanyak 43,656. Permohonan tempatan menyumbang sebanyak 22,485 permohonan (48.3%), manakala permohonan luar negara adalah sebanyak 24,045 (51.7%). Jumlah permohonan tempatan mengalami peningkatan sebanyak 2,622 permohonan (13.2%) berbanding tahun 2018 iaitu 19,863 permohonan. Manakala permohonan luar negara menunjukkan peningkatan sebanyak 252 (1.1%) berbanding tahun 2018 iaitu 23,793 permohonan.

43,656
Tahun
2018



Rajah 5.15: Permohonan cap dagangan tempatan, 2015 - 2019



Rajah 5.16: Permohonan cap dagangan luar negara, 2015 - 2019

Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Cap Dagangan



1
22,485
Malaysia



2
4,437
China

Rajah 5.17: Sepuluh negara teratas bagi permohonan cap dagangan, 2019



3
3,993
Amerika Syarikat



6
1,151
Korea Selatan



7
1,116
Jerman



8
1,023
Taiwan



9
935
United Kingdom



4
2,960
Jepun



5
1,754
Singapura



10
878
Perancis



Permohonan Pemeriksaan Cap Dagangan Dipercepatkan

Permohonan pemeriksaan cap dagangan dipercepatkan yang diterima adalah sebanyak 375 permohonan dengan peningkatan sebanyak 161 permohonan (75.2%) berbanding 214 permohonan pada 2018.



Rajah 5.18: Permohonan pemeriksaan cap dagangan dipercepatkan, 2015 - 2019



Permohonan Cap Dagangan yang Tertinggi Mengikut Kelas

Permohonan cap dagangan bagi kelas 35 mencatatkan jumlah permohonan tertinggi iaitu 4,985 dengan peningkatan 460 permohonan (10.2%) berbanding tahun 2018 iaitu 4,525 permohonan. Permohonan bagi kelas 9 adalah yang kedua tertinggi dengan 4,087 permohonan, peningkatan sebanyak 192 permohonan (4.9%) berbanding tahun 2018 sebanyak 3,895.



Rujukan: Klasifikasi NICE (*Trademark*)
Klasifikasi NICE adalah terdiri daripada 45 kelas barang dan perkhidmatan mengikut piawaian NICE *Agreement*

Permohonan tertinggi: Kelas 35

Rajah 5.19: Permohonan cap dagangan yang tertinggi mengikut kelas, 2019



Pendaftaran Cap Dagangan

Jumlah Pendaftaran 19,481

34,566
Tahun
2018

Sebanyak 19,481 cap dagangan telah didaftarkan dengan penurunan sebanyak 15,085 pendaftaran (-43.6%) berbanding 2018 iaitu 34,566 pendaftaran. Daripada jumlah pendaftaran tersebut, 7,795 (40.0%) adalah pendaftaran cap dagangan tempatan dan sebanyak 11,686 (60.0%) adalah pendaftaran cap dagangan luar negara. Pendaftaran cap dagangan tempatan menunjukkan penurunan sebanyak 6,009 pendaftaran (-43.5%) berbanding tahun 2018 iaitu 13,804 pendaftaran. Manakala pendaftaran cap dagangan luar negara turut menunjukkan penurunan sebanyak 9,076 (-43.7%) berbanding tahun 2018 iaitu 20,762 pendaftaran.




Rajah 5.20: Pendaftaran cap dagangan tempatan, 2015 - 2019



Rajah 5.21: Pendaftaran cap dagangan luar negara, 2015 - 2019



Sepuluh Negara Teratas bagi Pendaftaran Cap Dagangan



Pembaharuan Cap Dagangan

Sebanyak 17,091 cap dagangan telah diperbaharui dengan penurunan sebanyak 671 pembaharuan (-3.8%) berbanding pada 2018 iaitu 17,762.



Rajah 5.23: Pembaharuan cap dagangan, 2015 - 2019





Permohonan Reka Bentuk Perindustrian

Jumlah Permohonan 1,904

Sejumlah 1,904 permohonan reka bentuk perindustrian telah diterima dengan peningkatan sebanyak 59 (3.2%) berbanding 2018 iaitu 1,845. Permohonan tempatan merekodkan 574 permohonan (30.1%) manakala permohonan luar negara adalah 1,330 permohonan (69.9%) daripada jumlah keseluruhan. Permohonan luar negara telah meningkat sebanyak 13 (1.0%) berbanding tahun 2018 iaitu 1,317 manakala permohonan tempatan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 46 (8.7%) berbanding tahun 2018 iaitu 528.

1,845
Tahun
2018



Rajah 5.24: Permohonan reka bentuk perindustrian tempatan, 2015 - 2019



Rajah 5.25: Permohonan reka bentuk perindustrian luar negara, 2015 - 2019

Permohonan Reka Bentuk Perindustrian yang Tertinggi Mengikut Kelas

Permohonan reka bentuk perindustrian bagi kelas 12 mencatatkan jumlah permohonan tertinggi iaitu 278 dengan peningkatan 50 permohonan (21.9%) berbanding 2018 iaitu 228 permohonan. Permohonan bagi kelas 9 adalah yang kedua tertinggi dengan 156 permohonan, penurunan sebanyak 36 permohonan (-18.8%) berbanding tahun 2018 iaitu 192 permohonan.

Rujukan : Klasifikasi Locarno

Klasifikasi Locarno adalah klasifikasi antarabangsa untuk permohonan reka bentuk perindustrian yang terdiri daripada 32 kelas.




Permohonan tertinggi: Kelas 12

Rajah 5.26: Permohonan reka bentuk perindustrian mengikut kelas, 2019



Sepuluh Negara Teratas bagi Permohonan Reka Bentuk Perindustrian





Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian

Jumlah Pendaftaran 1,238

1,475
Tahun
2018

Sebanyak 1,238 reka bentuk perindustrian telah didaftarkan dengan penurunan 237 pendaftaran (-16.0%) berbanding tahun 2018 iaitu 1,475 pendaftaran. Daripada jumlah tersebut, 337 (27.5%) adalah pendaftaran tempatan manakala 901 (72.5%) adalah pendaftaran luar negara. Pendaftaran tempatan mencatatkan penurunan sebanyak 237 (-16.0%) berbanding tahun 2018 iaitu 405. Pendaftaran luar negara juga mengalami penurunan sebanyak 169 (-15.7%) berbanding tahun 2018 iaitu 1070.



Rajah 5.28: Pendaftaran reka bentuk perindustrian tempatan, 2015 - 2019



Rajah 5.29: Pendaftaran reka bentuk perindustrian luar negara, 2015 - 2019

Sepuluh Negara Teratas bagi Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian



1
337
Malaysia



2
221
Jepun

Rajah 5.30: Sepuluh negara teratas bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian, 2019



3
143
Amerika Syarikat



6
47
Belanda



7
36
Korea Selatan



8
33
Perancis



4
96
China



9
29
Slovenia



5
60
Switzerland



10
27
Australia



Pembaharuan Reka Bentuk Perindustrian

Sebanyak 1,920 reka bentuk perindustrian telah diperbaharui dengan penurunan 239 pembaharuan (-11.1%) berbanding tahun 2018 iaitu 2,159.



Rajah 5.31: Pembaharuan reka bentuk perindustrian, 2015 - 2019



Petunjuk Geografi

Permohonan dan pendaftaran petunjuk geografi

MyIPO telah menerima sembilan permohonan petunjuk geografi berbanding empat permohonan pada 2018. Permohonan tersebut terdiri daripada lima permohonan tempatan dan empat permohonan dari luar negara. Satu petunjuk geografi tempatan telah didaftarkan pada tahun 2019 iaitu Gambus Johor.



Rajah 5.32: Permohonan petunjuk geografi tempatan, 2015 - 2019



Rajah 5.33: Permohonan petunjuk geografi luar negara, 2015 - 2019



Rajah 5.34: Pendaftaran petunjuk geografi tempatan, 2015 - 2019



Rajah 5.35: Pendaftaran petunjuk geografi luar negara, 2015 - 2019

Hak Cipta




Statistik Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta

Sejumlah 8,839 permohonan hak cipta melalui Pemberitahuan Sukarela telah diterima dengan peningkatan sebanyak 1,761 (24.9%) berbanding tahun 2018 iaitu 7,078 permohonan. Karya sastera merupakan penyumbang utama kepada peningkatan permohonan hak cipta dengan 7,201 permohonan.


Bagi Sijil Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta 2019 pula, sebanyak 2,011 sijil telah dikeluarkan dengan peningkatan 873 (76.7%) berbanding 1,138 sijil pada 2018. Sijil Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta dikeluarkan berdasarkan permintaan pemunya hak cipta.

Rajah 5.36: Permohonan Pemberitahuan Sukarela hak cipta, 2019



Prestasi Cawangan MyIPO

Peranan utama pejabat cawangan adalah menerima permohonan dan mengadakan program kesedaran harta intelek di peringkat negeri. Selain itu, pejabat cawangan berperanan dalam memberi khidmat nasihat dan memastikan maklumat disampaikan ke semua lapisan masyarakat.



Rajah 5.37: Perbandingan statistik penerimaan pemfailan permohonan harta intelek oleh pejabat cawangan MyIPO antara 2018 dengan 2019





Prestasi Permohonan Harta Intelek yang Diterima oleh Pejabat Cawangan MyIPO bagi Tahun 2019



06 Pengurusan
Maklumat dan
Pentadbiran


2019



Bengkel Siasatan Dalaman MyIPO Siri I dan II

MyIPO telah mengadakan dua siri Bengkel Siasatan Dalaman MyIPO iaitu Siri 1 pada 22 dan 23 April 2019 untuk kumpulan pengurusan dan Siri 2 pada 5 dan 6 Ogos 2019 untuk pegawai-pegawai kumpulan eksekutif. Bengkel yang bertajuk "*Handling Misconduct and Domestic Inquiry*" telah menjemput Dr. Samsudin bin Yaacob, seorang perunding bebas yang berpengalaman luas dalam penyiasatan dan pendakwaan di sektor kerajaan serta pernah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai pengendalian siasatan dalaman, pendakwaan, penyediaan laporan kes dan syor tindakan yang perlu diambil ke atas warga kerja yang didapati bersalah melakukan salah laku.

Ini dapat membantu proses membuktikan kebenaran sesuatu dakwaan salah laku melalui bukti yang sah bagi mengelak dan meminimakan kesilapan semasa pendakwaan dan mengemukakan syor sebelum hukuman dijatuhkan. Tindakan yang diambil ke atas kes-kes salah laku yang berpandukan amalan betul akan dijadikan contoh dan pengajaran kepada warga kerja dari melakukan kesalahan berulang.



Bengkel Pengurusan Tatatertib Pegawai Penyelia

Pada 20 dan 21 Ogos 2019, MyIPO telah menjemput seorang penceramah dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi memberi taklimat di Bengkel Pengurusan Tatatertib. Bengkel ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pegawai penyelia berkenaan pengurusan tatatertib selain memberikan penekanan tentang kaedah atau cara membuat laporan kesalahan tatatertib di bawah Akta 605. Selain itu, pegawai penyelia dan Ketua Bahagian dapat berkerjasama menghasilkan laporan salah laku yang lengkap untuk dikemukakan kepada Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Tatatertib MyIPO.



Taklimat dan Ujian Psikometrik Human Governance Profile (HGP)

MyIPO dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) telah mengadakan taklimat dan Ujian Psikometrik *Human Governance Profile* (HGP) kepada kumpulan pengurusan MyIPO pada 12 Julai 2019. HGP merupakan ujian psikometrik secara dalam talian yang akan mengukur produktiviti, kepercayaan, etika kerja dan kualiti yang diperlukan untuk perkembangan kerjaya dan organisasi. Dapatkan dari keputusan HGP boleh digunakan sebagai panduan bagi tujuan penempatan tugas seterusnya membantu meningkatkan nilai kepimpinan pegawai untuk manfaat dan kesejahteraan organisasi.



Kursus Smart Integriti

Pada 11 hingga 13 Oktober 2019, Kursus Smart Integriti kepada kumpulan pengurusan MyIPO telah diadakan di Bentong, Pahang. Kursus ini bertujuan mendedahkan kumpulan pengurusan MyIPO dengan ilmu kepimpinan, kesihatan dan kekeluargaan melalui modul latihan dalam kumpulan (LDK). Pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang berpengalaman di dalam bidang Obstetriks dan Ginekologi telah dijemput sebagai perunding motivasi dalam kursus ini. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah untuk menguji daya tahan fizikal dan pengawalan emosi seterusnya membudayakan semangat kerja berpasukan termasuklah aspek penyeliaan pekerja serta menguruskan kesihatan, keluarga dan organisasi dengan baik.



Taklimat Pengukuhan Integriti Siri I dan II

Bagi membentuk perkembangan dan pembangunan sahsiah diri di kalangan warga kerja, MyIPO telah menganjurkan dua siri Taklimat Pengukuhan Integriti iaitu pada 5 April 2019 dan 29 November 2019.

Taklimat Pengukuhan Integriti Siri I yang bertajuk "Motivasi Pekerja Cemerlang – Kerja itu Amanah, Seminit Berapa Sen" telah disampaikan oleh perunding motivasi yang berpengalaman luas dalam mengendalikan pelbagai ceramah, forum dan kursus motivasi. Taklimat ini dianjurkan untuk memberi penghayatan dalam menghargai kerjaya dan berupaya meningkatkan kredibiliti, mengenal potensi diri dalam membentuk sahsiah pekerja yang berintegriti, bermotivasi melakukan perubahan dalam diri yang lebih positif terhadap persekitarannya dan berupaya mengharmonikan organisasi.

Kesinambungan daripada taklimat siri pertama, MyIPO sekali lagi menganjurkan Taklimat Pengukuhan Integriti untuk Siri II bertajuk "GPS Kehidupan". Taklimat ini telah disampaikan oleh seorang pakar motivasi agama dan ilmuan Pusat Ulul Albab Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk memberi pengisian ilmu, pengetahuan dan kefahaman tentang peranan aqidah kepada warga kerja MyIPO ke arah pembentukan keperibadian yang lebih sempurna. Turut diselitkan di dalam taklimat ini adalah pemahaman dan tunjuk ajar mengenai Al-Quran dan Hadis serta maksud dan kegunaannya. Taklimat ini adalah salah satu usaha MyIPO bagi menerapkan kepentingan unsur kerohanian, akhlak dan integriti yang baik kepada warga kerjanya agar lebih maju dan berdaya saing bagi menjamin kecemerlangan organisasi.



Kumpulan Inovasi Kreatif

KIK MyIPO 2019 telah menghasilkan Projek IPOFIVE bersempena Konvensyen KIK 2019 anjuran KPDNHEP pada 5 dan 6 Februari 2019. Wakil MyIPO dengan nama Kumpulan Braniacs telah diumumkan sebagai Naib Johan dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM5,000, plak penghargaan serta sijil penyertaan.

Projek IPOFIVE yang dihasilkan tanpa melibatkan kos kewangan yang tinggi dan penyelenggaraan yang minimum merupakan satu sistem mesra pengguna yang membantu mendapatkan anggaran kos wajib pemfailan, nilai minima harta intelek dan maklumat ejen harta intelek serta berupaya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan melalui penambahbaikan terhadap laman sesawang MyIPO. Sistem ini turut mampu memperincikan pengiraan fi pemfailan MyIPO berdasarkan undang-undang setiap komponen harta intelek.

Selain itu, sistem ini turut berfungsi sebagai pusat informasi mudah yang menyediakan menu carian maklumat, tapisan dan pemilihan ejen berdaftar atau ejen penilai harta intelek di laman sesawang MyIPO. Sistem ini menyediakan perkhidmatan pengiraan nilai komersial harta intelek berdasarkan pendekatan kos (*cost approach*) yang dikeluarkan oleh MyIPO dan WIPO seterusnya dapat membantu pengguna terutamanya penjawat awam dalam pengurusan aset tak ketara jabatan berdasarkan *market and value approach*.



07
Pembangunan
Modal Insan

2019

Menerusi aktiviti dan program pembangunan modal insan yang dilaksanakan sepanjang tahun, MyIPO fokus dalam memastikan pemerolehan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi membentuk warga kerja beretika tinggi dan progresif.

New Technology Workshop for Patent Examination by Experts from Japan Patent Office in the Field of Chemistry

Bengkel ini merupakan salah satu program kerjasama MyIPO dan JPO pada 26 hingga 30 Ogos 2019. Objektif bengkel ini adalah untuk perkongsian maklumat terkini berkaitan amalan dan praktis pemeriksaan paten yang digunakan di JPO khususnya perkembangan teknologi baru dalam bidang kimia. Bengkel ini juga memberi pendedahan, meningkatkan kemahiran, kecekapan dan kualiti penyediaan penulisan laporan pemeriksaan paten dengan menjadikan penulisan laporan pemeriksaan yang dikeluarkan oleh JPO sebagai rujukan.



Regional Patent Examination Training Mentoring (RPEM) Program

Program ini bermula pada 16 Jun 2017 dan berakhir pada 31 Disember 2020 di bawah aktiviti ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area (AANZFTA) Economic Cooperation Work Program, MyIPO telah melaksanakan program RPEM dengan kerjasama IP Australia. Program ini adalah untuk merancang latihan mengikut keperluan khususnya kepada pegawai pemeriksa paten baru, menambah baik latihan yang berterusan kepada pegawai sedia ada secara komprehensif dan sistematik berdasarkan piawaian kualiti yang ditetapkan. Seorang mentor dari IP Australia ditugaskan untuk membantu menambah baik bahan latihan sedia ada, membina kapasiti latihan dalaman dan meningkatkan piawaian kualiti mengikut keperluan pegawai serta memenuhi kehendak perundangan Malaysia. Melalui program ini, satu *MyPExT Curriculum and Assessment Framework* telah dihasilkan bagi kegunaan dalam latihan pegawai pemeriksa paten. Dokumen yang merupakan panduan lengkap kepada tenaga pengajar dan pegawai yang menjalani latihan merangkumi objektif latihan, *Competency Based Training (CoBT) Model*, empat fasa latihan termasuklah kerja dalam latihan (*on the job training*) serta jadual latihan sepanjang program.





Bengkel Teknologi Baru bagi Pemeriksaan Paten oleh Pakar JPO dalam Bidang Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT)

Dengan matlamat melatih pegawai pemeriksa paten MyIPO dalam pemeriksaan paten berkaitan teknologi ICT terkini, satu Bengkel Teknologi Baru Bagi Pemeriksaan Paten telah diadakan dengan kerjasama JPO pada 26 hingga 30 Ogos 2019. Selain itu, bengkel yang telah disampaikan oleh pakar dari JPO ini membincangkan amalan dan praktis yang digunakan di Jepun khususnya perkembangan teknologi baharu seperti *artificial intelligence* (AI) dan *internet of things* (IoT) dan teknik carian di dalam bidang ICT.

Bengkel Pengukuhan Pengetahuan Pegawai Pemeriksa Paten dalam Bidang Farmaseutikal

Pada 20 Ogos 2019, satu bengkel pengukuhan pengetahuan dalam bidang farmaseutikal telah diadakan dengan penyertaan seramai 22 pegawai pemeriksa paten. Bengkel mengenai *advance technology* ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Selaras dengan perkembangan teknologi yang pesat dan kompleks, pegawai pemeriksa paten perlu mempunyai ilmu pengetahuan terkini untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan mencapai tahap kompetensi yang terbaik.

Training on Interpretation of Gene Sequence Data for Patent Examination with IP Australia

Melalui kerjasama di antara MyIPO dan *IP Australia*, kursus latihan mengenai interpretasi data *gene sequence* untuk pemeriksaan paten telah diadakan pada 22 hingga 24 Oktober 2019. Sesi latihan ini melibatkan 12 pegawai pemeriksa paten dan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pegawai pemeriksa paten dalam menjalankan carian *prior art* yang lebih efektif dan meningkatkan kualiti laporan pemeriksaan khususnya dalam bidang berkaitan bioteknologi. Selain itu, pihak *IP Australia* berkongsi pendapat dan amalan tentang pendekatan yang digunakan dalam mengendalikan permohonan paten bioteknologi yang mengandungi data *gene sequence*.



The JPO/IPR Training Course on Trademark Examinations under the Madrid System for Malaysia

Program latihan anjuran *Japan Institute For Promoting Invention and Innovation* (JIPII) dengan kerjasama *The Association for Overseas Technical Cooperation and Sustainable Partnerships* (AOTS) yang telah disertai oleh 10 orang pegawai dan pegawai pemeriksa cap dagangan telah berlangsung pada 16 hingga 22 Januari 2019.

Program latihan ini bertujuan memberi pendedahan kepada pegawai cap dagangan mengenai prosedur pemprosesan permohonan yang difaikkan melalui Protokol Madrid khususnya berkaitan pemeriksaan sebagai persediaan Malaysia dalam menyertai Protokol Madrid. Latihan yang berterusan adalah perlu bagi memastikan pegawai cap dagangan tidak ketinggalan dari aspek prosedur, kaedah pemprosesan permohonan dan pendaftaran. Selain itu, pegawai turut diberi pendedahan dari aspek teori dan praktikal mengenai pendaftaran cap dagangan di peringkat antarabangsa melalui Sistem Madrid.



The JPO/IPR Training Course on Substantive Examination of Trademarks

Program latihan anjuran JIPII dengan kerjasama AOTS telah diadakan pada 21 hingga 30 November 2019 melibatkan penglibatan sebanyak 13 buah negara. Program ini bertujuan memberi latihan khusus mengenai panduan pemeriksaan substantif dari aspek kebolehdaftaran dan halangan ke atas pendaftaran cap dagangan serta pendedahan kepada kaedah pemeriksaan cap dagangan bukan tradisional di negara Jepun. Selain itu, pendedahan ini dapat membantu meningkatkan kemahiran pegawai pemeriksa membuat keputusan yang berkualiti dan seragam berdasarkan panduan pendaftaran seterusnya menyampaikan perkhidmatan dengan lebih cekap.





TM Talk 2019

TM Talk 2019 merupakan program latihan dalaman yang diadakan secara bersiri sepanjang tahun dalam memfokuskan kepada topik atau perkara berkaitan operasi dan tugas harian khususnya pengendalian permohonan dan pendaftaran cap dagangan dan disusun mengikut keperluan dan peringkat. Program ini merupakan salah satu medium untuk melatih pekerja secara interaktif dalam melaksanakan tugas dengan cekap, memberi pengetahuan dan menyampaikan maklumat mengenai perkembangan semasa perlindungan cap dagangan.

TM Talk ini diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan latihan yang mencukupi disediakan untuk kumpulan eksekutif dan sokongan cap dagangan dengan topik-topik yang lebih terperinci dan terkini. Sepanjang tahun 2019, sembilan siri *TM Talk* telah dilaksanakan bagi membantu peserta meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam mengendalikan permohonan dan pendaftaran selaras dengan pengenalan Akta dan Peraturan-peraturan Cap Dagangan 2019.



The JPO/IPR Training Course on Anti-Counterfeiting Measures for Practitioners (IPAC)

Program latihan anjuran JIPIII dengan kerjasama AOTS dan JPO telah berlangsung di Tokyo, Jepun pada 19 hingga 26 Februari 2019 melibatkan 13 buah negara dan dua negara pemerhati.

Tujuan latihan adalah bertujuan memberi pendedahan mengenai perancangan, pelaksanaan tindakan dan pendedahan kepada aktiviti anti pemalsuan serta anti cetak rompak. Program latihan turut memberi penekanan kepada kepentingan kerjasama dan penyelarasaran koordinasi berkesan di dalam penguatkuasaan undang-undang dan tindakan ke atas aktiviti pemalsuan dan pemberantasan kemasukan produk palsu yang melibatkan pelbagai agensi seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

The Sub-Regional Meeting of Intellectual Property Officials Responsible for the Madrid System

Mesyuarat anjuran WIPO dengan kerjasama JPO dan Pejabat Direktorat Jeneral Harta Kekayaan Indonesia (DGIP) melibatkan penyertaan 13 buah negara telah diadakan pada 18 hingga 19 Mac 2019.

Objektif mesyuarat ini adalah untuk membincang dan berkongsi maklumat mengenai perkembangan semasa, perundangan terkini, pembangunan dan cabaran dalam pelaksanaan Sistem Madrid. Wakil-wakil negara telah didedahkan dengan mekanisme memperkuuhkan keupayaan pejabat-pejabat harta intelek masing-masing dalam menambah baik operasi Sistem Madrid selain menggalakkan negara-negara bukan ahli untuk menyertai sistem tersebut. Hala tuju penyertaan Malaysia di dalam Sistem Madrid perlu dirangka secara sistematik termasuk siri latihan komprehensif kepada pegawai pemeriksa di samping sentiasa mendapatkan nasihat serta pandangan WIPO dan pejabat harta intelek lain untuk memastikan pemakaian sistem ini dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur di Malaysia.

The JPO/IPR Training Course on Trial and Appeal System for ASEAN (IPAS)

Program latihan JIPIII dengan kerjasama AOTS ini melibatkan 10 buah negara ASEAN yang telah diadakan di Tokyo, Jepun pada 14 hingga 20 Februari 2019.

Program ini bertujuan memberi latihan khusus kepada pegawai cap dagangan mengenai prosedur pemprosesan permohonan rayuan dan bangkangan berdasarkan amalan di JPO yang dilaksanakan melalui penubuhan jawatankuasa *Trial and Appeal Department* yang dilantik di kalangan pemeriksa cap dagangan dan paten yang berpengalaman. Latihan ini adalah sebagai persediaan MyIPO dalam menangani pertambahan bilangan permohonan dan jumlah rayuan serta bangkangan selepas penyertaan Malaysia dalam Protokol Madrid.

Workshop on Procedures and Operations of the Madrid System for the International Registration of Marks

WIPO telah mengadakan bengkel pada 8 hingga 10 Mei 2019 bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan peranan setiap organisasi harta intelek di dalam operasi dan pengurusan Sistem Madrid. Bengkel ini juga sebagai persediaan organisasi harta intelek serantau dalam mempemproses permohonan yang difailkan melalui Sistem Madrid serta berkongsi masalah, aspek prosedur dan praktikal serta isu yang timbul dari negara-negara yang telah menjadi ahli kepada sistem ini.



Bengkel Reka Bentuk Perindustrian (Asas Pembangunan Pembungkusan dan Penjenamaan)

Bengkel anjuran MyIPO dan *Design Development Centre* (DDEC) Malaysia ini melibatkan penyertaan peserta yang terdiri daripada usahawan di bawah seliaan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk berkongsi pengetahuan dan memberi pendedahan berkaitan kepentingan perlindungan dan pendaftaran reka bentuk perindustrian serta tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku pelanggaran. Peserta turut diberi penerangan mengenai kemudahan serta panduan memohon Dana Pemfailan Harta Intelek.

Antara topik yang dibincangkan semasa bengkel ini adalah mengenai kepentingan corak rekaan, reka bentuk produk dan pembungkusan produk sebagai medium pemasaran bagi tujuan *product image rebranding*. *Product image rebranding* yang berkesan adalah penting untuk memperkenal atau memaklumkan semula akan kewujudan sesuatu produk. Peserta juga turut diberi pendedahan mengenai prosedur permohonan dan ciri yang perlu terdapat pada setiap pembungkusan seperti Sijil dan Logo Halal, Logo MeSTI, Logo Buatan Malaysia, Barcode dan Fakta Nutrisi.

Sebanyak 40 permohonan Dana Harta Intelek bagi reka bentuk perindustrian telah diterima daripada 83 peserta sepanjang penganjuran bengkel di tiga negeri iaitu Kuantan, Pahang pada 8 hingga 10 April 2019, Kuala Terengganu, Terengganu pada 15 hingga 17 April 2019 dan di Kota Bahru, Kelantan pada 8 hingga 10 April 2019.

Seminar the Hague System for Industrial Design Protection and Training on Advanced Industrial Designs Examination



MyIPO telah menyertai seminar anjuran *United States Patent and Trademark Office* (USPTO) dengan kerjasama *Japan External Trade Organisation* (JETRO) dan *Thailand Department of Intellectual Property* (DIP) yang telah diadakan di Thailand pada 21 dan 22 Mei 2019. Seramai 50 orang peserta dari pelbagai negarai yang terdiri daripada wakil industri tempatan, ejen harta intelek, pemeriksa reka bentuk perindustrian dan kakitangan kerajaan yang menghadiri seminar tersebut.

Seminar ini bertujuan meningkatkan pengetahuan mengenai perlindungan dan kemahiran teknikal di dalam pemeriksaan pendaftaran reka bentuk perindustrian antarabangsa melalui Sistem Hague. Topik yang dibentang dan dikupas oleh pihak JPO adalah mengenai pengenalan kepada sistem, prosedur, halangan serta kelebihan menyertai Perjanjian Hague. Wakil DIP Thailand turut berkongsi maklumat mengenai hala tuju, perancangan serta persediaan Thailand bagi menyertai Perjanjian Hague dalam masa yang terdekat.

JPO/IPR Training Course on Design Examinations under the Hague System (IPHS)

Program latihan yang telah dianjurkan oleh JPO dengan kerjasama JPII dan AOTS di Jepun pada 10 hingga 17 Januari 2019 ini telah menghimpunkan seramai 21 orang peserta dari negara China, Indonesia, Laos, Mexico, Peru, Filipina, Thailand, Vietnam dan Malaysia. Jepun yang merupakan ahli kepada Perjanjian Hague telah berkongsi pengalaman dan pemahaman mengenai pendaftaran antarabangsa di bawah Sistem Hague. Peserta telah didedahkan mengenai proses komunikasi Sistem Hague di antara pemohon, Biro Antarabangsa, WIPO dan negara yang dipilih bagi mendapatkan perlindungan reka bentuk perindustrian. Antara intipati kursus tersebut adalah memberi pendedahan kepada peserta dalam mempelajari tatacara dan prosedur pemeriksaan substantif termasuk carian kebaharuan ke atas permohonan antarabangsa, keutamaan pemilihan deklarasi yang tepat dan penentuan fi yang jelas di dalam Sistem Hague.

JPO/IPR Training Course on Substantive Examination of Design

Pada 1 hingga 14 September 2019, MyIPO telah menyertai program latihan yang telah dianjurkan dengan kerjasama *Asia-Pacific Industrial Property Centre, JIPII (APIC) Tokyo Kenshu Centre*, dan AOTS di Jepun. Program ini telah dihadiri oleh seramai 17 orang peserta daripada 13 negara iaitu Brazil, Kemboja, Chile, Mesir, India, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Peru, Filipina, Thailand, Vietnam dan satu organisasi iaitu *Organisation Africaine de la Propriété Intellectuelle* dari Cameroon.

Latihan ini bertujuan memberikan pendedahan berkenaan undang-undang dan peraturan reka bentuk, garis panduan pemeriksaan dan pengetahuan khusus mengenai amalan pemeriksaan berdasarkan amalan yang diguna pakai di negara Jepun. Perbandingan prosedur dan amalan perundangan yang diamalkan oleh Jepun dan amalan antarabangsa juga dibincangkan bagi tujuan rujukan dan harmonisasi. Latihan turut membantu para peserta dalam meningkatkan pengetahuan dan kecekapan di dalam pemeriksaan formaliti dan pemeriksaan substantif reka bentuk bertujuan ke arah penyeragaman keputusan bagi pendaftaran reka bentuk terutama bagi negara-negara membangun.

The AsiaGI 2019 Training

MyIPO telah menyertai program latihan anjuran *Agricultural Research for Development and Sharing Knowledge for Ethical and Tasty* dengan sokongan WIPO, SWISS Confederation, French Ministry of Agriculture and Food, ASEAN Intellectual Property Rights ARISE+ yang telah diadakan pada 25 hingga 30 Mac 2019 di Bali, Indonesia.

Latihan ini memberi pendedahan kepada para peserta mengenai penyediaan spesifikasi teknikal sebagai rujukan untuk pendaftaran petunjuk geografi, skop perlindungan, kaitan petunjuk geografi dengan cap dagangan serta perlindungan antarabangsa melalui perjanjian, triti dan konvensyen sedia ada. Pada masa yang sama, latihan ini meningkatkan kemahiran peserta mengenai konsep petunjuk geografi sebagai salah satu harta intelek dan sumbangan kepada pembangunan ekonomi setempat. Latihan ini turut membantu MyIPO dalam berkongsi maklumat dan memberi khidmat nasihat kepada pemilik petunjuk geografi di Malaysia.





Persidangan Antarabangsa Pengecualian dan Pengehadan Hakcipta bagi Perpustakaan, Arkib dan Muzium

MyIPO telah menyertai persidangan antarabangsa anjuran WIPO yang diadakan di Geneva pada 18 hingga 19 Oktober 2020. Persidangan ini bertujuan membincangkan perkembangan kerangka perundangan hak cipta antarabangsa serta mempromosikan penyertaan Triti Beijing kepada negara-negara yang masih belum menjadi ahli.

Para peserta yang terdiri daripada wakil-wakil dari negara-negara Asia dan Kepulauan Pasifik, Afrika serta Amerika Selatan yang telah dibahagikan mengikut wakil bagi tiga negara serantau dengan Singapura mewakili rantau Asia, Nairobi mewakili rantau Afrika dan Santa Domingo mewakili rantau Amerika Selatan. Antara isi perbincangan dalam persidangan ini adalah hala tuju pengehadan dan pengecualian hak cipta dan pembentangan dapatan kajian oleh pakar-pakar yang dilantik bagi mengorak polisi baru bagi karya-karya hak cipta khususnya penggunaan di perpustakaan, arkib, muzium dan institusi pendidikan.

Regional Seminar for the Asia Pacific Group on Libraries, Archives, Museums and Educational and Research Institutions in the Field of Copyright

Pada 29 hingga 30 April 2019, seminar serantau anjuran WIPO dengan kerjasama *Intellectual Property Office of Singapore* dan *Singapore Ministry of Foreign Affairs* telah diadakan di Singapura. Seminar ini merupakan kesinambungan daripada Pelan Tindakan bagi Pengehadan dan Pengecualian semasa Mesyuarat *Standing Committee on Copyright and Related Rights* (SCCR) yang ke-36 pada bulan Jun 2018 di Geneva, Switzerland. Seminar ini memfokuskan kajian ke atas pengehadan dan pengecualian bagi teras utama hak cipta merangkumi kajian terhadap perpustakaan, kajian terhadap arkib, muzium dan Insitutusi Pendidikan dan pusat penyelidikan. Perbandingan dari hasil kajian yang dilakukan telah direkod dan dikumpulkan oleh WIPO untuk dijadikan analisis berkonsepkan ‘*Toolkit*’ dan dijadikan bahan rujukan kepada semua ahli anggota WIPO bagi membantu merangka satu dasar yang menyeluruh yang mengimbangi hak-hak yang berkaitan dengan pengguna hak cipta di negara masing-masing. Hasil seminar ini amat bermanfaat untuk dipertimbangkan dalam kajian semula Akta Hak Cipta 1983.




AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI

Sepanjang tahun 2019, Kelab Sukan dan Kebajikan MyIPO telah berjaya melaksanakan beberapa program, aktiviti dan menyertai beberapa kejohanan sukan yang bermanfaat dalam meningkatkan semangat kerjasama berpasukan dan pengisian rohani warga MyIPO. Antara program dan aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

Program Fit MyIPO – 100 Days Challenge

Bagi menerap dan mengamalkan gaya hidup sihat, MyIPO telah menganjurkan Program *Fit MyIPO - 100 Days Challenge* yang berlangsung selama 100 hari bermula 4 September hingga 12 Disember 2019 dengan penyertaan sebanyak 75 orang warga kerja MyIPO. Perunding kesihatan telah dilantik untuk memberikan tips dalam mengurangkan berat badan dengan cara yang betul selain membimbing tatacara pemakanan yang sihat serta diikuti dengan pelbagai aktiviti kecergasan dan gaya hidup aktif. Antara pengisian program ini adalah aktiviti luaran seperti *jogging*, *brisk walk*, berbasikal, *jungle trekking*, mendaki bukit dan aktiviti berkumpulan lain. Peserta program juga berpeluang memenangi hadiah yang ditawarkan sekiranya mencapai sasaran penurunan berat badan yang ditetapkan.





Kelas Zumba

Kelas Zumba telah diadakan bagi memberi peluang kepada warga kerja wanita MyIPO untuk beriadah, meningkatkan kecergasan dan kesihatan. Seramai 30 orang peserta telah menyertai kelas yang bertempat di MyIPO selama dua bulan bermula pada 10 September 2019. Program ini telah dikendalikan oleh jurulatih zumba yang bertauliah.



Kelas Muay Thai

Sebagai salah satu aktiviti Program *Fit MyIPO – 100 Days Challenge*, kelas Muay Thai telah diadakan bagi membantu peserta mengurangkan berat badan secara sihat dan mampu memberi kesan terhadap stamina tubuh badan dalam jangka masa yang singkat. Kelas kendalian jurulatih bertauliah yang dilantik telah menerima penyertaan seramai 30 orang warga kerja bermula pada 18 September sehingga 4 Disember 2019.

Penyertaan di dalam Kejohanan Sukan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan (MAKSWIP) 2019

MyIPO telah menyertai kejohanan sukan yang dianjurkan oleh MAKSWIP dari bulan September hingga Disember 2019 dengan menghantar sepasukan lelaki dan wanita bagi pertandingan futsal, pasukan bola tumpar lelaki, pasukan bola sepak dan bola jaring pada kejohanan kali ini. Penyertaan MyIPO di dalam MAKSWIP 2019 telah memberi pendedahan kepada pasukan MyIPO sebagai persediaan bagi menghadapi pertandingan-pertandingan pada masa akan datang serta memantapkan mutu permainan dan semangat berpasukan.

Hari Sukan KPDNHEP 2019

MyIPO telah menganjurkan satu kejohanan bola tampar peringkat Kementerian bersempena Hari Sukan KPDNHEP 2019 pada 20 Oktober 2019 di Bangi, Selangor yang melibatkan KPDNHEP, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Tujuan penganjuran karnival ini adalah bagi mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga kerja Kementerian dan agensi, memupuk amalan gaya hidup cergas, mencetuskan semangat kesukanan dan persaingan yang sihat serta mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan. Selain kejohanan bola tampar anjuran MyIPO, kejohanan bola jaring turut dianjurkan oleh Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP dan kejohanan futsal dianjurkan oleh MyCC. Pasukan bola tampar lelaki MyIPO muncul sebagai Naib Johan manakala pasukan wanita di tempat keempat keseluruhan.

Bagi menyahut saranan Kementerian Belia dan Sukan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah "Negara Bersukan" sempena sambutan Hari Sukan Negara 2019, KPDNHEP turut menganjurkan kejohanan sukan dalaman yang merangkumi acara ping pong, *dart*, *e-sport*, kejohanan boling dan *treasure hunt*. MyIPO telah menghantar pasukan bagi setiap acara yang dipertandingkan dan pencapaian terbaik adalah muncul sebagai pemenang pertandingan *treasure hunt* dan dinobatkan sebagai pasukan wanita terbaik kejohanan boling serta Naib Johan bagi sukan ping pong berpasukan.



AKTIVITI KEAGAMAAN, SOSIAL DAN KEBAJIKAN



Program keagamaan, kebajikan dan aktiviti sosial yang sihat merupakan platform terbaik bagi mengeratkan silaturahim, kerjasama dan membudayakan sikap prihatin di kalangan warga kerja MyIPO. Sepanjang 2019, pelbagai inisiatif dan program telah dijalankan menerusi aktiviti-aktiviti sosial dan kebajikan yang membantu memperkasakan warga kerja MyIPO secara rohani dan jasmani dengan lebih proaktif.

Majlis dan Program Keagamaan

Bagi menambah kefahaman warga kerja MyIPO akan ilmu fiqah, hadis, tafsir, badal haji serta pengajian al-Quran, MyIPO telah mengadakan kelas-kelas pengajian, majlis bacaan al-Quran dan ceramah agama. Dengan bimbingan penceramah jemputan, warga kerja MyIPO telah menghadiri kelas pengajian Hadis, tafsir dan pengajian Tajwid al-Quran pada 30 Mei 2019. Selain itu, program Upah Haji, Majlis Bacaan Yasin, Tahlil sempena sambutan ulang tahun MyIPO dan memperingati warga kerja yang telah meninggal dunia turut diadakan. Sempena sambutan Maal Hijrah 1440 Hijrah, MyIPO turut mengadakan ceramah Maal Hijrah bagi menyemai rasa rindu dan syukur kepada Allah SWT terhadap nikmat pengutusan Nabi Muhammad SAW dan memotivasi warga kerja dalam menempuh kehidupan dan melaksanakan kerja harian.

Majlis Tadarus al-Quran dan Majlis Khatam al-Quran

Majlis Tadarus al-Quran telah berlangsung pada setiap hari sepanjang bulan Ramadhan 1440 Hijrah dengan penglibatan seramai 45 orang warga kerja MyIPO. Sebagai kemuncak program, Majlis Khatam al-Quran telah diadakan pada 30 Mei 2019 bersama penceramah jemputan yang memimpin majlis khatham tersebut di samping penyampaian sumbangan kepada para peserta tadarus.

Aktiviti Kebajikan

Dalam menjaga kebajikan warga kerja serta memberi khidmat sumbangan kepada masyarakat, MyIPO telah melaksanakan program bantuan seperti kemasukan ke wad, khairat kematian, melanjutkan pengajian untuk warga kerja dan anak yang mendapat tawaran di peringkat Diploma atau Ijazah, saguhati kecemerlangan pelajaran, hadiah perkahwinan, tabung derma kilat kepada warga kerja yang ditimpa musibah dan program gotong-royong.

Ceramah Kesihatan Wanita

Ceramah kesihatan sempena KL Pink October 2019 telah diadakan pada 11 Oktober 2019 dengan menjemput pegawai perubatan dari Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara sebagai penceramah. Ceramah kesihatan tersebut bertujuan memberi kesedaran, pemahaman dan tunjuk ajar kepada warga kerja MyIPO untuk melakukan pemeriksaan kesihatan sendiri sebagai langkah pengesanan dan pencegahan awal penyakit khususnya bagi golongan wanita. Ceramah ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran lebih 200 warga kerja MyIPO.



08
Pemerkasaan
Harta Intelek

2019



Penyertaan Malaysia dalam Protokol Madrid

Malaysia secara rasminya menjadi ahli ke-106 kepada Protokol Madrid pada 27 Disember 2019. Sistem yang ditadbir oleh WIPO ini merupakan sistem pemfailan tunggal bagi pendaftaran cap dagangan di 122 negara yang dipilih dengan kos yang lebih murah dan prosedur yang mudah tanpa perlu berurus di setiap negara tersebut. Ini merupakan satu platform terbaik kepada pemilik jenama tempatan untuk melindungi cap dagangan bagi tujuan mempromosikan produk mereka ke pasaran antarabangsa. Sistem ini juga memudahkan pemilik jenama luar negara mendapatkan perlindungan cap dagangan di Malaysia melalui sistem pemfailan tunggal dan membuka ruang pelaburan yang mesra peniaga serta mengalakkan pelaburan asing di Malaysia.



Pengukuhan Perundangan Harta Intelek

Rang Undang-undang Cap Dagangan 2019

Rang Undang-Undang Akta Cap Dagangan 2019 telah diluluskan di Parlimen pada 23 Julai 2019 dan memansuhkan Akta Cap Dagangan 1976. Akta baharu ini mula dikuatkuasakan pada 27 Disember 2019 dengan menambah baik sistem pendaftaran dan perlindungan cap dagangan yang lebih moden, komprehensif dan efektif seterusnya memenuhi keperluan komuniti perniagaan selaras dengan amalan antarabangsa yang diguna pakai pejabat harta intelek dunia. Skop perlindungan cap dagangan turut diperluaskan kepada cap dagangan bukan tradisional seperti bunyi, bau dan 3 dimensi serta mengenakan penalti yang tinggi terhadap kesalahan di bawah akta ini bagi tujuan pencegahan pelanggaran cap dagangan.

Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2019

Rang Undang-undang ini telah diluluskan oleh Parlimen pada 19 Disember 2019. Pindaan ini bertujuan memperluaskan lagi fungsi dan bidang kuasa Tribunal Hak Cipta untuk mendengar pertikaian yang berbangkit mengenai pengagihan royalti di antara badan pelesenan dan ahli-ahlinya.



Sambutan Hari Harta Intelek Negara 2019

Pada 26 April 2019, MyIPO telah menganjurkan Sambutan Hari Harta Intelek Negara (HHIN) bertempat di Bangi, Selangor bersempena *World Intellectual Property Day* yang disambut seluruh dunia dengan tema “Menggapai Emas: Harta Intelek dan Sukan”. Aktiviti sukan futsal yang melibatkan pihak media, artis, Kementerian dan MyIPO turut diadakan bagi merapat dan menguatkan jalinan kerjasama semua pihak dalam usaha menyebar luas kepentingan perlindungan hak harta intelek di semua peringkat masyarakat.

Antara aktiviti sempena sambutan HHIN 2019 ini termasuk jualan amal 110 barang peribadi para atlet Malaysia dengan kerjasama Majlis Sukan Negara, Persatuan Bola Sepak Malaysia dan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB). Seramai 38 orang atlet telah menyumbang barang peribadi mereka untuk jualan amal tersebut. Atlet yang terlibat adalah penerjun negara, Leong Mun Yee, atlet boling tenpin, Syaidatul Afifah, pelumba basikal negara, Jupha Somnet, jurulatih kebangsaan, Tan Cheng Hoe serta bekas pelari pecut negara, Datuk Paduka Mumtaz Jaafar. Raket badminton Datuk Lee Chong Wei, bola boling Shalin Zulkifli, baju lumba basikal milik Azizul Hasni Awang dan bola Piala AFF Suzuki 2018 yang telah ditandatangani oleh 11 pemain utama bola sepak kebangsaan antara yang mendapat bidaan yang tertinggi semasa sambutan HHIN tersebut. Hasil jualan amal akan disalurkan kepada Tabung YAKEB for X-Athlete, iaitu tabung yang diwujudkan bagi membantu bekas-bekas atlet untuk menampung perbelanjaan perubatan. MyIPO turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM5,000 kepada tabung berkennaan yang diterima oleh Pengerusi YAKEB.





Majlis perasmian bagi sambutan HHIN 2019 ini telah disempurnakan oleh Menteri KPDNHEP yang melakukan ‘sepak mula’ bagi perlawanan futsal empat penjuru yang melibatkan pasukan MyIPO, KPDNHEP, bekas pemain negara dan selebriti.

Menteri KPDNHEP turut menyertai dalam perlawanan futsal bersama bekas pemain bola sepak kebangsaan seperti Reduan Abdullah, Subadron Aziz, Khalid Ali, Yap Kam Choon dan Shahril Arsati. Turut beraksi dalam perlawanan tersebut adalah Ketua Setiausaha KPDNHEP, Timbalan Ketua Setiausaha (Kepenggunaan dan Pengurusan) KPDNHEP dan Ketua Pengarah MyIPO.



Kempen-Kempen Kesedaran, Taklimat dan Bengkel Harta Intelek



MyIPO telah menganjurkan sebanyak 17 program kesedaran mengenai kepentingan perlindungan harta intelek khusus kepada perusahaan kecil dan sederhana dengan kerjasama pihak Kementerian dan syarikat berkaitan Kerajaan. Jalinan kerjasama dan program turun padang ini merupakan inisiatif MyIPO bagi membentuk masyarakat Malaysia yang celik harta intelek selaras dengan fokus untuk mentransformasikan pengguna harta intelek kepada pemunya harta intelek (*IP User to IP Owner*). Sepanjang 2019, sebanyak 179 kempen kesedaran awam telah diadakan bagi meningkatkan permohonan dan pendaftaran harta intelek tempatan.

Sebanyak 93 program peningkatan kefahaman harta intelek kepada pelbagai kumpulan sasaran dengan sokongan dan kerjasama dari pelbagai organisasi dalam dan luar negara seperti universiti tempatan, agensi awam, pejabat harta intelek serantau dan WIPO. MyIPO turut menganjurkan bengkel, kursus dalaman dan ceramah kesedaran harta intelek kepada pihak berkepentingan bagi memupuk pembudayaan harta intelek di setiap lapisan masyarakat.

Usahawan Celik IP

Selain golongan usahawan, MyIPO turut mensasarkan golongan pelajar dalam memupuk minat, kesedaran dan pembudayaan harta intelek bermula dari peringkat awal melalui program Usahawan Celik IP.

Program ini bertemakan "Memiliki, Melindungi, Mengkomersialkan dan Membudayakan" telah diadakan di Kolej Vokasional Datuk Seri Abu Zahar Isnin, Melaka pada 13 hingga 15 September 2019. Fokus program ini adalah kepada pelajar kolej vokasional seluruh negara sebagai usaha menggalakkan pemikiran kreatif dan inovatif di kalangan generasi muda.





Pengkomersialan Harta Intelek

Mesyuarat berkenaan Kajian bagi Mewujudkan Pusat Setempat Pengkomersialan Harta Intelek di Malaysia

Pada 6 September 2019, MyIPO telah menghimpunkan seramai 50 orang ahli yang terdiri dari pelbagai organisasi yang terlibat secara langsung dengan ekosistem pengkomersialan di Malaysia seperti pemberi dana serta geran penyelidikan dan institusi latihan pengkomersialan. Mesyuarat ini diadakan untuk mendapatkan maklumat serta membuat kajian mengenai cadangan mewujudkan sebuah pusat setempat yang menggabungkan aspek latihan, penyediaan geran atau peruntukan kewangan dan pemfailan paten bagi memperkuuhkan pengkomersialan harta intelek di Malaysia.

Semasa mesyuarat tersebut, MyIPO telah mengumpulkan pandangan berhubung pewujudan sebuah Pusat Setempat Pengkomersialan bagi membolehkan satu kajian yang komprehensif dapat dijalankan. Organisasi yang terlibat dalam memberi pandangan adalah termasuk Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), *Malaysia Digital Economy Corporation*, *Malaysian Green Technology Corporation*, *Malaysian Industrial Development Finance Berhad*, *MyCreative Ventures Sdn Bhd*, *SME Corporation Malaysia*, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Yayasan Inovasi Malaysia, Kumpulan Modal Perdana, *Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd*, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Kementerian Pendidikan Malaysia, Institut Keusahawanan Negara, *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC), *Malaysia Debt Ventures Berhad*, *Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd*, SME Bank dan *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT).



Mesyuarat Sumbang Saran bagi Membincangkan Isu Pengkomersialan Harta Intelek

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengerusi MyIPO pada 25 Februari 2019 telah diadakan bagi mendapatkan input dari pihak industri dan universiti awam sebagai usaha memperkuuhkan peranan *Technology Transfer Office* (TTO), mempertingkatkan aktiviti pengkomersialan harta intelek, mempereratkan jalinan kerjasama di antara industri serta hubungan dalam pengkomersialan harta intelek. Antara organisasi yang terlibat di dalam mesyuarat ini adalah Kementerian Pendidikan Malaysia, MESTECC, Universiti Malaya *Centre of Innovation and Commercialization*, MIGHT, PlatCOM Ventures, Petronas dan Universiti Putra Malaysia (UPM).




Sesi Sumbang Saran tentang Pengkomersialan Harta Intelek di antara Universiti dan Industri

Sesi sumbang saran yang melibatkan pihak universiti dan industri telah diadakan pada 11 April 2019 dan telah dipengerusikan oleh Pengerusi MyIPO. Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk mewujudkan satu kerjasama yang baik di antara pihak industri dan universiti dalam usaha memajukan pengkomersialan teknologi di Malaysia. Seramai 50 orang ahli mesyuarat telah hadir pada sesi sumbang saran tersebut seperti Akademi Sains Malaysia, Cradle Fund, MESTECC, MPOB, *Infrastructure University Kuala Lumpur*, Jabatan Kerja Raya, *Malaysian Global Innovation and Creativity Centre* (MAGIC), Malaysian Agricultural Research and Development Institute, MTDC, Petronas, Sapura Tech, Telekom Research, TNB Research, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, UKM dan UPM. Dalam usaha merancakkan ekosistem pengkomersialan negara, hasil daripada sesi percambahan minda ini boleh memastikan aktiviti pengkomersialan di Malaysia bergerak maju setanding dengan negara-negara luar lain.



Penarafan Cemerlang bagi Pengauditan

Laporan Ketua Audit Negara 2018 bagi tahun pengauditan 2019 menyaksikan MyIPO bersama-sama 13 Badan Berkanun Persekutuan (BBP) telah menjalani proses pengauditan yang dilaksanakan Jabatan Audit Negara. MyIPO telah berjaya mendapat penarafan cemerlang bagi pengauditan:



MyIPO turut mendapat penarafan baik bagi pengauditan:



Prestasi Kawalan Terimaan



Prestasi Pengurusan Perolehan



Prestasi Pengurusan Kewangan



Prestasi Pengurusan Aset dan Stor



Dana Pemfailan Harta Intelek

Dana ini diperuntukkan oleh Kerajaan kepada MyIPO di bawah Rancangan Malaysia ke-11 berjumlah RM2.5juta bagi tempoh lima tahun (2016 - 2020) sebagai usaha merancakkan aktiviti inovasi, perlindungan, pengkomersialan selain membantu meningkatkan pemfailan harta intelek tempatan. Dana khusus kepada golongan belia, pelajar sekolah serta kolej kemahiran dan komuniti setempat ini merangkumi pembiayaan fi bagi pemfailan semua komponen harta intelek termasuk pemfailan petunjuk geografi dan kos bagi kerja yang memerlukan khidmat profesional dan teknikal seperti pendaftaran paten.

514

Permohonan Dana Harta Intelek diterima sepanjang tahun 2019
terdiri daripada permohonan paten/ perbaharuan utiliti, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, hak cipta dan petunjuk geografi.



375

Pemfailan telah diluluskan
merangkumi 13 pemfailan paten/perbaharuan utiliti, 218 cap dagangan, 62 reka bentuk perindustrian, 79 hak cipta dan 3 petunjuk geografi.





“


Dana Pemfailan Harta Intelek membantu meningkatkan pemfailan harta intelek tempatan dan berjaya membiayai beberapa permohonan paten yang berkualiti tinggi dan berpotensi untuk dikomersialkan.

”

36
Permohonan
Pemeriksaan Substantif
Patent/Perbaharuan
Utiliti.
(2016 - 2017)

**34**

Permohonan telah
digerakkan dan
menerima sijil
pendaftaran Paten/
perbaharuan utiliti.

**RM499,973**

Jumlah keseluruhan
perbelanjaan Dana Pemfailan
Harta Intelek.





Penerbitan Video Success Story Penerima Dana

Penerbitan sebuah video yang menceritakan perjalanan menuju kejayaan dan perkongsian pengalaman penerima Dana Pemfailan Harta Intelek merupakan satu inisiatif bagi pelaporan kepada Jawatankuasa Kerja Penilaian *Outcome* yang dikemukakan kepada Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri. Inisiatif ini secara tidak langsung berfungsi sebagai bahan promosi dan publisiti MyIPO di samping dijadikan bahan rujukan bagi projek seumpamanya pada masa akan datang.

Lima penerima dana yang dipilih merupakan pemilik yang berjaya mengkomersialkan harta intelek setelah didaftarkan. Video yang memaparkan latar belakang perniagaan penerima-penerima dana ini menceritakan pengalaman berhadapan risiko

peniruan oleh pihak yang mengambil kesempatan seterusnya menunjukkan keprihatinan pemilik untuk mendaftarkan dan melindungi harta intelek masing-masing. Video yang mampu memberikan inspirasi serta motivasi kepada usahawan tempatan dalam melindungi harta intelek ini boleh ditonton di pautan laman YouTube.



Imbas di sini



Kerjasama Strategik

09

2019

Kerjasama Antarabangsa

Perhimpunan Tahunan World Intellectual Property Organisation (WIPO) ke-59

Perhimpunan Tahunan WIPO ke-59 telah diadakan di Switzerland pada 30 September hingga 9 Oktober 2019 dengan menghimpunkan 174 dari 192 negara ahli, satu negara pemerhati, 22 badan antara kerajaan dan 45 badan bukan kerajaan dari seluruh dunia.

Antara agenda perhimpunan tahun ini adalah membincangkan perkara-perkara dasar berkaitan harta intelek, memberi mandat dan memuktamadkan isu-isu yang telah dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Tetap dan Kesatuan selain membincangkan laporan pencapaian tahunan WIPO dan keberhasilan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun. Agenda pemilihan Ketua Pengarah WIPO yang baru pada Tahun 2020, pemilihan komposisi WIPO *Coordination Committees of The Paris and Berne Unions* serta pemilihan komposisi Jawatankuasa Program dan Budget WIPO turut dibincangkan pada tahun ini.





Delegasi Malaysia yang diketuai oleh Ketua Setiausaha KPDNHEP mewakili Menteri KPDNHEP telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Pengarah WIPO bertujuan untuk mendepositkan Surat Cara Penyertaan Protokol Madrid pada 27 September 2019 dan Malaysia telah menyatakan hasrat untuk mengadakan kerjasama dalam pembangunan kapasiti berkaitan pentadbiran, dasar dan penguatkuasaan harta intelek. MyIPO turut menghadiri Perhimpunan Tahunan WIPO ke-59 yang terdiri daripada wakil-wakil dari 89 negara termasuk lapan daripada kumpulan negara, tiga badan antara kerajaan dan tiga badan bukan kerajaan. Malaysia mengambil maklum akan prestasi kewangan WIPO yang kukuh serta cadangan program dan bajet bagi *biennium 2020/2021* yang dipandu oleh *Medium Term Strategic Plan 2016-2021* dan *2030 Agenda for Sustainable Development*.

Penyataan pendirian Malaysia antara lainnya menyentuh mengenai program WIPO yang memberi manfaat kepada negara ahli dalam membangunkan strategi harta intelek selaras dengan pembangunan negara serta meningkatkan keupayaan modal insan, industri kecil dan sederhana, universiti dan institusi penyelidikan dalam memanfaatkan harta intelek untuk menyokong inovasi. Malaysia turut menyokong usaha WIPO meningkatkan infrastruktur teknikal dan pengetahuan pejabat harta intelek bagi penambahbaikan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan memperkasa pentadbiran serta program kerjasama antarabangsa dalam memupuk budaya menghormati harta intelek. Malaysia juga turut mengiktiraf perlindungan pengetahuan tradisional, sumber genetik dan ekspresi kebudayaan serta menyokong supaya *Intergovernmental Committee on IP and Traditional Knowledge, Genetic Resources and Folklore* (IGC) diberi mandat pada *biennium 2020-2021* untuk meneruskan perbincangan ke arah memuktamadkan instrumen perjanjian antarabangsa. Malaysia juga berpendirian bahawa SCCR dapat meneruskan perbincangan mengenai had dan pengecualian hak cipta serta persekitaran digital.



MyIPO turut mengadakan mesyuarat dua hala dengan pejabat harta intelek lain bagi membincangkan program-program kerjasama dua hala dalam bidang harta intelek antaranya dengan JPO dan EPO. MyIPO dan JPO telah menandatangan *Memorandum of Cooperation (MOC)* on *Cooperation in The Field of Intellectual Property* untuk mengadakan kerjasama yang menjurus kepada perkongsian maklumat mengenai sistem dan amalan terbaik harta intelek dan mewujudkan sistem bangkangan paten, pengemaskinian manual pemeriksaan paten, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian, kerjasama dalam bidang latihan, sumber manusia dan teknologi maklumat kedua-kedua negara. Selain itu, MyIPO dan EPO turut menandatangani *Memorandum of Understanding (MOU)* on a *Reinforced Technical and Strategic Partnership* dalam bidang paten termasuk perkongsian laporan pemeriksaan dan latihan kepada pegawai pemeriksa bagi meningkatkan kualiti paten serta mempercepatkan proses pendaftaran paten di Malaysia. Majlis ringkas bagi menandatangani kedua-dua MOC dan MOU ini telah diadakan pada 1 Oktober 2019 dan disaksikan oleh Ketua Setiausaha KPDNHEP.



Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai Kerjasama Harta Intelek (AWGIPC)

AWGIPC merupakan sebuah kumpulan gerak kerja yang terdiri daripada wakil pejabat harta intelek negara-negara ASEAN yang ditubuhkan pada 1996 bertujuan membincangkan hala tuju dan merangka strategi pembangunan harta intelek serantau.

Pada 2019, mesyuarat AWGIPC ke-58 telah diadakan di Thailand dari 25 hingga 29 Mac 2019, mesyuarat ke-59 di Indonesia pada 9 hingga 12 Julai 2019 dan mesyuarat ke-60 telah berlangsung di Filipina dari 11 hingga 15 November 2019.

Ketiga-tiga mesyuarat tersebut telah membincangkan isu dan perkembangan bagi beberapa perkara antaranya:



01

Pelancaran dan pelaksanaan inisiatif di bawah *ASEAN Patent Examination Cooperation Acceleration for Industry 4.0 Infrastructure and Manufacturing (ASPEC-AIM)*. Inisiatif ini dapat menggalakkan para peniaga dan pencipta untuk memfailkan permohonan paten yang melibatkan teknologi masa kini seperti permohonan Revolusi Perindustrian 4.0, *FinTech*, *cyber security* dan robotik di negara-negara ASEAN dengan lebih cepat dan efisyen.



05

Mesyuarat juga membincangkan mengenai status dan kemajuan inisiatif yang telah digariskan dalam pelaksanaan *ASEAN IPR Action Plan 2016-2025*, termasuk pengemaskinian ASEAN Database bagi cap dagangan dan reka bentuk perindustrian. Selain itu, penghasilan ASEAN *Common Guidelines* bagi pemeriksaan paten dan juga meningkatkan integrasi carian melalui *ASEAN IP database* dan *ASEAN IP Portal*. Sistem carian ini dilaksanakan dengan mengumpulkan kesemua kes berkaitan penguatkuasaan harta intelek dari setiap negara ASEAN bermula tahun 2018 sehingga kini sebagai sumber carian kes yang lebih mudah dan efektif kepada pengguna.

**02**

Sebanyak lapan negara anggota ASEAN telah menyertai Protokol Madrid setakat Mac 2019. Pada 27 September 2019, Malaysia telah mendepositkan instrumen penyertaan dan menjadi negara ahli Protokol Madrid yang ke-106.

**03**

Kajian ke atas penubuhan *ASEAN IP Academy* telah dibuat dan diedarkan kepada negara anggota ASEAN bagi membolehkan Akademi Harta Intelek di setiap Pejabat Harta Intelek negara anggota ASEAN dapat membuat persediaan ke arah inisiatif tersebut. Tujuan inisiatif ini adalah bagi meningkatkan kualiti latihan, kemudahan teknologi dan tempat latihan. Selain itu, pengemaskinian kursus harta intelek yang ditawarkan juga perlu dilaksanakan bagi memenuhi keperluan semua sektor dan kumpulan sasaran.

04

Penghasilan *Handbook on IP Enforcement Rules and Regulations* dengan kerjasama *Intellectual Property of United Kingdom (UKIPO)* dalam menyediakan khidmat nasihat dan konsultasi. Buku panduan tersebut menggariskan keseragaman praktis dalam penguatkuasaan harta intelek di negara ASEAN serta menjadi rujukan yang efektif kepada orang awam dan pihak berkepentingan.



Capacity Building Workshop on Geographical Indications



Bengkel anjuran ARISE+ IPR, *European Union Intellectual Property Office* (EUIPO) dengan kerjasama MyIPO ini telah diadakan pada 24 September 2019 bagi memberi pendedahan kepada pengusaha dan pengeluar petunjuk geografi di Sarawak dan Sabah mengenai prosedur pendaftaran petunjuk geografi di Malaysia dan di negara-negara Eropah. Melalui bengkel ini, peserta dapat berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam membentuk sebuah organisasi petunjuk geografi yang maju dan berdaya saing di samping berpeluang mempelajari teknik pendraflan buku spesifikasi petunjuk geografi daripada pakar petunjuk geografi jemputan EUIPO. Melalui bengkel ini, kualiti pendaftaran petunjuk geografi di Malaysia dapat dipertingkatkan dengan merujuk kepada amalan di negara-negara Eropah di samping menggalakkan pemfailan petunjuk geografi di Malaysia sehingga ke peringkat antarabangsa. Melalui pendedahan mengenai prosedur pemfailan dan teknik pendraflan spesifikasi, peserta dapat memastikan produk petunjuk geografi yang dihasilkan dapat didaftar.

Second Regional Meeting on the Development of an ASEAN Training Programme for AMS IPO Patent Examiners

IP Key SEA, EUIPO dengan kerjasama MyIPO telah mengadakan *Second Regional Meeting on the Development of an ASEAN Training Programme for AMS IPO Patent Examiners* di Kuala Lumpur pada 9 dan 10 Oktober 2019. Mesyuarat selama dua hari tersebut merupakan mesyuarat susulan yang telah diadakan pada pertengahan tahun 2019 bagi membincangkan mengenai pelaksanaan program latihan jangka panjang yang efektif kepada pemeriksa paten di negara anggota ASEAN. Mesyuarat kali ini diadakan bagi membincangkan draf *Project Brief for Establishing a Regional Training Programme for Patent Examiners* dan mencapai persetujuan daripada negara anggota ASEAN sebelum draf tersebut dimuktamadkan. Program-program latihan yang telah digariskan di bawah projek tersebut merupakan inisiatif bagi meningkatkan kepakaran dan kualiti pemeriksaan paten di Malaysia supaya seajar dengan negara-negara maju dunia.



Training on ASEAN Common Guidelines on Industrial Designs Examination

ARISE+ IPR, EUIPO dengan kerjasama MyIPO telah menganjurkan ASEAN *Common Guidelines on Industrial Designs Examination* pada 29 dan 30 Oktober 2019 di Kuala Lumpur bagi memberi latihan kepada pemeriksa reka bentuk perindustrian di setiap negara anggota ASEAN mengenai garis panduan pemeriksaan substantif reka bentuk perindustrian. Latihan ini memberi ruang kepada peserta untuk membincangkan prosedur pemeriksaan di negara masing-masing dan mencari keseragaman dalam prosedur pemeriksaan di semua negara anggota ASEAN. Melalui latihan ini, peserta dapat memahami garis panduan pemeriksaan dengan lebih jelas serta meningkatkan kualiti pemeriksaan reka bentuk perindustrian. Garis panduan yang telah dihasilkan di bawah projek ARISE+ IPR ini telah dipersetujui oleh kesemua negara anggota dan akan dijadikan sebagai panduan kepada pemeriksa di setiap pejabat harta intelek negara ASEAN.



WIPO National Workshop on Learning Quality for Functional Leadership and Human Resources and WIPO National Workshop for Learning and Quality Management for Trademark Registration

Pada 17 dan 18 Oktober 2019, WIPO dengan kerjasama MyIPO telah menganjurkan bengkel bagi membentuk kefahaman mengenai inisiatif pengurusan berkualiti di MyIPO. Dengan memberi fokus kepada model sistem penilaian keberkesanan kepimpinan sumber manusia, model penilaian kompetensi yang diperkenalkan WIPO dilihat dapat meningkatkan kemahiran dan kualiti pemeriksaan cap dagangan dan memberi kelebihan kepada organisasi dalam meningkatkan kualiti pengurusan. Bengkel ini membolehkan MyIPO mengenal pasti penambahbaikan dalam menghasilkan model yang lebih sesuai dan efektif kepada sistem pengurusan dan pemantauan keperluan latihan.



First Meeting of the ASEAN Trademark Convergence Network and First Meeting of the ASEAN Design Convergence Network

ARISE+IPR, EUIPO dengan kerjasama MyIPO telah menganjurkan dua mesyuarat iaitu *First Meeting of the ASEAN Trademark Convergence Network* dan *First Meeting of the ASEAN Design Convergence Meeting* pada 31 Oktober hingga 1 November 2019 di Kuala Lumpur bagi membincangkan *Convergence Projects* yang akan dijalankan pada tahun 2020. Melalui mesyuarat ini, peserta memberi cadangan bagi menghasilkan objektif, metodologi, projek dan garis masa bagi setiap inisiatif cap dagangan dan reka bentuk perindustrian mengikut keperluan setiap negara anggota ASEAN. Peserta juga berpeluang menyuarakan pandangan mengenai program latihan yang diperlukan bagi memastikan pemeriksa cap dagangan dan reka bentuk perindustrian sentiasa didedahkan dengan latihan kemahiran untuk meningkatkan lagi kefahaman dan kualiti pemeriksaan serta pendaftaran.



Seminar on Obtaining Patent Protection in Malaysia and Europe

Seminar on Obtaining Patent Protection in Malaysia and Europe anjuran IP Key SEA, EUIPO dengan kerjasama MyIPO telah diadakan pada 9 hingga 11 Oktober 2019 di Kuala Lumpur. Seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kepentingan perlindungan paten, prosedur pemfailan serta pemeriksaan paten dan perkembangan terkini sistem perlindungan paten di Malaysia dan Eropah. Selain itu, peserta terutamanya pengamal harta intelek diberi peluang mempelajari prosedur yang tepat dalam memfailkan paten di negara Eropah serta membincangkan perlindungan paten yang melibatkan teknologi AI dan IoT. Dengan adanya seminar ini, peserta menjadi lebih mahir dan memahami sistem perlindungan paten di Malaysia dan Eropah di samping dapat mengurangkan kesilapan semasa membuat pemfailan paten.





National Seminar on the Madrid System for the International Registration of Marks

Dengan penggubalan Akta Cap Dagangan 2019 yang baharu, WIPO dan MyIPO telah bekerjasama mengadakan seminar di Kuala Lumpur pada 5 Disember 2019 untuk memberi taklimat mengenai sistem pemfailan antarabangsa cap dagangan melalui Sistem Madrid. Seminar ini dapat memberi pengetahuan dengan lebih mendalam mengenai faedah-faedah yang dapat diperoleh, cara pemfailan serta prosedur lain di bawah Sistem Madrid. Di samping itu, peserta turut didedahkan mengenai peruntukan terkini dalam sistem perlindungan cap dagangan di Malaysia selepas pengenalan akta yang baharu. Peserta seminar adalah terdiri daripada pengamal undang-undang harta intelek, pihak industri, wakil agensi, pemilik cap dagangan, pengusaha tempatan serta pegawai MyIPO.



TISC

Program *Technology Innovation Support Center* (TISC) yang diperkenalkan sejak tahun 2015 bertujuan merangsang inovasi melalui kemudahan akses data serta galakan latihan harta intelek kepada *Host Institutions* yang terlibat. Setakat tahun 2019, TISC telah menerima sebanyak 15 keahlian yang terdiri daripada universiti tempatan dan swasta serta institusi-institusi penyelidikan dalam negara. TISC telah menerima satu keahlian yang baharu iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 6 Mei 2019. Sebanyak lapan program TISC telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 antaranya adalah:

Program National Patent Drafting Course for TISC Host Institution

MyIPO telah menganjurkan program pendraflan paten pada 4 hingga 8 November 2019 di Kuala Lumpur dengan menjemput penceramah dari kalangan ejen dan pendraf paten. Program ini telah dihadiri seramai 20 orang peserta daripada *Host Institution* terpilih.

Program TISC: Bengkel Asas Harta Intelek dan Paten

Bengkel ini merupakan anjuran MyIPO dengan kerjasama dua *Host Institution* iaitu Politeknik Sultan Azlan Shah dan Politeknik Ungku Omar. Bengkel di Behrang, Perak telah diadakan pada 8 hingga 10 April 2019 manakala bengkel di Ipoh, Perak telah diadakan pada 21 hingga 23 Oktober 2019.

Tujuan bengkel ini adalah untuk pensyarah dan penyelidik dari *Host Institution* memahami komponen harta intelek secara umum dan carian paten secara khusus selain memperkasa peranan *Host Institution* sebagai pusat penyebaran dan rujukan harta intelek. *Host Institution* juga mampu meningkatkan kualiti reka cipta yang dihasilkan seterusnya merancakkan permohonan paten. Semasa bengkel bersama Politeknik Sultan Azlan Shah, tiga reka cipta telah dikenal pasti berpotensi untuk mendapat pembiayaan di bawah Dana Pemfailan Harta Intelek 2019.

Memorandum Persefahaman TISC antara MyIPO dan UiTM

Majlis menandatangani MOU TISC di antara MyIPO dan UiTM telah diadakan pada 6 Mei 2019 di Shah Alam, Selangor bertujuan untuk memeterai MOU penyertaan UiTM sebagai ahli *Host Institution* yang ke-15. Penyertaan ini dapat meluaskan jaringan kerjasama TISC di Malaysia dan pada masa yang sama, menggalakkan perkembangan penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan yang diperkasakan dengan pengetahuan harta intelek.





WIPO Workshop on the Guides for Identifying and Using Inventions in the Public Domain

MyIPO dengan kerjasama WIPO telah mengadakan bengkel pada 17 hingga 18 Jun 2019 di Kuala Lumpur dengan penyertaan sebanyak 32 peserta. Program ini bertujuan menyediakan latihan mengenai tatacara penggunaan buku panduan yang telah dibangunkan oleh WIPO iaitu:

- i) *Identifying Inventions in the Public Domain* yang memfokuskan kepada cara-cara melakukan carian *Freedom to Operate* di dalam domain awam; dan
- ii) *Using Inventions in the Public Domain* yang memfokuskan kepada kaedah untuk menggunakan informasi daripada reka cipta yang didapati di dalam domain awam untuk membangunkan produk atau reka cipta yang baharu.

Bengkel ini membantu pereka cipta tempatan membangunkan reka cipta baharu menggunakan kaedah yang terdapat di dalam buku panduan tersebut. Penyertaan dari *Host Institution* di dalam program ini bertepatan dengan keperluan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai tatacara menjalankan carian paten di dalam domain awam serta cara-cara untuk menggunakan paten tersebut melalui kaedah *freedom to operate*.



WIPO Distance Learning

WIPO *Distance Learning* merupakan pembelajaran dalam talian kepada *Host Institution* sepanjang tahun 2019. Kursus-kursus yang ditawarkan merangkumi topik yang berkaitan harta intelek mengikut tahap pengetahuan peserta dan dibahagikan kepada kursus asas dan kursus lanjutan. Peserta di bawah Program *Host Institution* berpeluang mengikuti kursus ini secara percuma. Program ini turut bertujuan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang fleksibel selain memberi peluang perkongsian maklumat di antara organisasi. Sepanjang 2019, seramai 47 peserta telah berjaya menyertai program ini berdasarkan kursus yang ditawarkan oleh WIPO.



EIE

Untuk meningkatkan kapasiti sokongan inovasi dan memperkasakan ekosistem inovasi tempatan di universiti dan pusat penyelidikan, MyIPO telah bekerjasama dengan WIPO untuk mengadakan program *Enabling IP Environment* (EIE). Program EIE adalah projek jangka panjang bagi tempoh 6 hingga 7 tahun dan dibiayai oleh WIPO-Japan Funds in Trust yang memfokuskan kepada aktiviti pengkomersialan harta intelek. Program yang diperkenalkan bermula 2016 ini menggunakan model institusi *Hub* dan *Spokes*. Antara program dan bengkel EIE yang diadakan sepanjang 2019 adalah:

WIPO National Workshop Three on IP-Based Innovation and IP Management in the Framework of the Enabling IP Environment (EIE) Project

Bengkel ini telah dianjurkan oleh MyIPO dengan kerjasama WIPO dan JPO pada 8 hingga 11 Julai 2019 yang mengumpulkan seramai 75 orang pegawai TTO daripada universiti, institusi penyelidikan, pihak industri dan jabatan kerajaan yang terpilih. WIPO telah menjemput pakar-pakar dalam bidang pemindahan teknologi yang berpengalaman dari luar negara sebagai penceramah bagi bengkel ini.

Bengkel ini bertujuan membincangkan mengenai proses kerja pemindahan teknologi berdasarkan harta intelek dan langkah-langkah pengkomersialan yang efektif. Selain itu, bengkel ini turut menyediakan kursus kepada peserta mengenai proses pengkomersialan berdasarkan perkongsian maklumat dan pengalaman daripada para penceramah jemputan. Peserta dapat meluaskan lagi jaringan kerjasama dalam membincangkan masalah yang dihadapi mengenai pengkomersialan hasil inovasi dari industri, pihak universiti, institusi penyelidikan dan jabatan kerajaan serta usaha menjayakan proses pengkomersialan di Malaysia.

Remote Mentoring Program (Technology Selection)

Program ini merupakan anjuran WIPO dengan kerjasama MyIPO yang bertindak sebagai orang tengah di antara WIPO/IP *Experts* dengan institusi *Spokes* yang terdiri daripada pihak universiti dan institusi penyelidikan. Tujuan program diadakan adalah untuk memberi bimbingan kepada institusi terpilih oleh pakar-pakar yang berpengalaman luas dalam bidang pengurusan harta intelek dan pengkomersialan teknologi. *Spokes* terpilih ini mendapat bimbingan terus dari pakar dalam bidang pengkomersialan serta pelesenan bagi memastikan reka cipta yang berkualiti dapat dihasilkan oleh institusi mereka dan menepati kehendak industri serta dapat dikomersialkan hingga ke peringkat antarabangsa. Sebanyak 10 kumpulan pereka cipta dari organisasi EIE *Spokes* di Malaysia sedang dan telah menerima khidmat *remote mentoring* oleh pakar-pakar pemindahan teknologi dari luar negara yang dilantik oleh WIPO dan program ini akan dijalankan bermula September 2019 hingga Februari 2020.





Majlis Pertukaran MOU Kerjasama MyIPO dan MYNIC Berhad

Menteri KPDNHEP telah memeteraikan MOU kerjasama MyIPO dan MYNIC Berhad pada 21 Mac 2019. Majlis pemeteraihan MOU tersebut merupakan inisiatif bagi menyediakan perlindungan penjenamaan digital kepada pemilik cap dagangan yang berdaftar di MyIPO melalui pakej MYMARK.

Pakej MYMARK ini menawarkan harga yang berpatutan untuk mengalakkan pendaftaran nama domain bagi melindungi cap dagangan dalam talian daripada penyalahgunaan oleh *cybersquatters* atau pihak yang tidak bertanggungjawab. Pakej tersebut diharap dapat memberi kesedaran kepada pemilik cap dagangan dan meningkatkan jumlah pendaftaran bagi melindungi cap dagangan mereka secara dalam talian.



Taklimat Peluang Perniagaan Bersama MYMARK: Ejen Cap Dagangan dan Warga Kerja MyIPO

Taklimat Peluang Perniagaan Bersama MYMARK: Ejen Cap Dagangan dan Warga Kerja MyIPO telah diadakan pada 18 dan 19 Julai 2019. Taklimat ini adalah kerjasama antara MyIPO dan MYNIC Berhad sebagai kesinambungan daripada pemeteraihan MOU.

Objektif utama taklimat ini diadakan adalah bagi memberi maklumat lanjut kepada pihak ejen cap dagangan mengenai penggunaan nama *domain* seterusnya menawarkan khidmat perniagaan baru kepada para pelanggan mereka. Ejen cap dagangan juga akan memperoleh hasil pendapatan melalui komisen dari pihak MYNIC Berhad bagi setiap pakej langganan MYMARK yang berjaya. Bagi merancakkan lebih banyak pendaftaran melalui pakej MYMARK ini, taklimat turut diberikan kepada warga kerja MyIPO khususnya yang terlibat sebagai penceramah, petugas *booth* dan aktiviti-aktiviti lain yang melibatkan pihak berkepentingan sebagai usaha menggalakkan dan mempromosikan pakej MYMARK.



FORUM

Forum Film and Copyright: Opportunities and Challenges

MyIPO telah menyertai forum antarabangsa anjuran WIPO dan WIPO *Office in China* (WOC) dengan kerjasama *Beijing Copyright Bureau*, *Organizing Committee of Beijing International Film Festival* dan *Capital Copyright Industry Alliance* yang telah diadakan pada 2 hingga 4 Disember 2019 di China. Forum ini telah menghimpunkan wakil-wakil dari negara seperti Afghanistan, Azerbaijan, Indonesia, Kazakhstan, Kenya, Kyrgyzstan, Laos, Malaysia, Mesir, Mongolia, Oman, Filipina, Arab Saudi, Uzbekistan dan Zimbabwe.

Objektif utama forum ini adalah memberi pendedahan dan perkongsian maklumat kepada para peserta akan perkembangan terkini kerangka perundangan hak cipta antarabangsa dan secara tidak langsung mempromosikan penyertaan Triti Beijing (*Beijing Treaty on Audiovisual Performances*, 2012) kepada negara-negara yang masih belum menjadi ahli. Penyertaan menganggotai Triti Beijing adalah bagi melindungi para pelaku dalam memperoleh faedah dan hasil ekonomi melalui kandungan filem yang telah diterbitkan selaras dengan perkembangan amalan semasa antarabangsa. Forum ini juga membantu para peserta dalam memperoleh maklum balas dan input khususnya kepada negara yang bercadang meratifikasi dan menjadi anggota kepada Triti Beijing.

Forum Asia Regional Workshop on Enforcement Against Trade in Counterfeit Goods

Pada 24 hingga 27 September 2019, MyIPO telah menghadiri forum antarabangsa anjuran USPTO, *Global Intellectual Property Academy*, *U.S. Department of Justice* dan *The ASEAN Secretariat* dengan sokongan dari *The U.S. Food and Drug Administration*, *U.S. Department of Homeland Security* dan *U.S. Department of State* di Bangkok, Thailand yang bertujuan memberi pendedahan dan perkongsian maklumat kepada para peserta berhubung isu barangan cetak rompak, barangan tiruan dan aktiviti jenayah siber. Peserta-peserta forum adalah terdiri daripada negara Bhutan, Brunei, Indonesia, Kuwait, Malaysia, Mongolia, Myanmar, Nepal, *Oceania Customs Organisation*, Filipina, Qatar, Arab Saudi, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam. Forum ini juga bukan sahaja menyentuh berkaitan tanggungjawab, isu dan penambahbaikan yang boleh dibuat oleh pihak-pihak berkuasa, malah turut menyentuh akan peranan yang perlu diambil oleh masyarakat sekeliling selaku orang awam, pengguna, badan berkepentingan dan badan bukan berkepentingan di dalam memupuk kesedaran membantu melumpuhkan pembelian dan penjualan barangan cetak rompak, barangan tiruan dan aktiviti jenayah siber. Forum turut membincangkan kepentingan teknologi *Blockchain* dan seumpamanya di dalam membanteras isu barangan cetak rompak, barangan tiruan dan aktiviti jenayah siber. Penguatkuasaan serta anggota terlatih yang mencukupi, latihan berterusan yang konsisten serta peralatan khas khusus untuk perisikan siber dan forensik digital yang terkini amat diperlukan dalam membantu mengekalkan momentum kualiti kerja penguatkuasa di sesebuah negara.





Forum Copyright Related Seminar: Enforcement of Copyright Works in the Field of Creative Contents

Forum anjuran *Content Overseas Distribution Association* dan *Japan Copyright Office* ini telah diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 7 November 2019. Forum ini bertujuan menjadi sebuah platform perkongsian maklumat dan pengalaman dalam isu-isu berkaitan penguatkuasaan harta intelek yang dijalankan oleh agensi-agensi pelaksana di Jepun. Peserta forum seramai 100 orang terdiri daripada pegawai-pegawai agensi penguatkuasaan, para pengamal industri hak cipta dan pihak berkepentingan yang berkaitan di Wilayah Sabah dan Labuan telah dijemput untuk menyertai program ini. Program ini juga mampu meningkatkan kesedaran awam berkaitan harta intelek dalam pembangunan sosio-ekonomi sesebuah negara dan meningkatkan bina upaya agensi penguatkuasaan dalam aktiviti kesedaran awam dan penguatkuasaan dalam industri berasaskan hak cipta khususnya kepada pengamal industri kreatif dan pihak berkepentingan di Sabah.



10 Laporan Kewangan

2019



Budget MyIPO 2019

bertemakan "Pemilikan Harta Intelek Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi". Tiga fokus utama bajet ini adalah:

Memperkasakan

Memperkasakan perlindungan dan pendaftaran hak harta intelek

Kecekapan

Ke arah peningkatan kecekapan organisasi dengan memperkuat pengurusan kewangan serta pengurusan pentadbiran dan sumber manusia

Penambahbaikan

Penambahbaikan sistem penyampaian harta intelek



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Anggaran hasil operasi dan pendapatan lain MyIPO adalah sebanyak RM107.5juta bagi tahun kewangan 2019.

Jadual 10.1: Anggaran hasil operasi dan pendapatan lain

| Hasil dan Pendapatan Lain | RM | Peratusan |
|----------------------------------|--------------------|------------------|
| Cap Dagangan | 72,000,000 | 66.98% |
| Paten | 26,300,000 | 24.46% |
| Reka Bentuk Perindustrian | 5,600,000 | 5.21% |
| Petunjuk Geografi | 10,000 | 0.01% |
| Hak Cipta | 470,000 | 0.44% |
| Pendapatan Lain | 3,120,000 | 2.90% |
| Jumlah | 107,500,000 | 100% |

Anggaran belanja mengurus MyIPO bagi tahun 2019 yang telah diluluskan oleh Menteri KPDNHEP kepada pihak pengurusan MyIPO adalah sebanyak RM98.36juta dengan menggunakan sumber-sumber dalaman secara optimum.

Jadual 10.2: Anggaran belanja mengurus

| Perbelanjaan Mengurus | RM | Peratusan |
|------------------------------|-------------------|------------------|
| Emolumen | 46,253,793 | 47.02% |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 35,545,775 | 36.14% |
| Aset | 2,913,900 | 2.96% |
| Pemberian dan Bayaran Tetap | 13,071,000 | 13.29% |
| Perbelanjaan Lain | 579,520 | 0.59% |
| Jumlah | 98,363,988 | 100% |





Prestasi Kewangan 2019

Jumlah pendapatan sebenar MyIPO adalah sebanyak RM80.33juta yang dijana daripada pendapatan seperti berikut:

- Pendapatan Operasi** - terdiri daripada fi Cap Dagangan, Paten, Reka Bentuk Perindustrian, Hak Cipta dan Petunjuk Geografi berjumlah RM76.52juta; dan
- Pendapatan Bukan Operasi/Pendapatan Lain** - terdiri daripada Sewaan Ruang Pejabat dan Pusat Latihan, Jualan Aset, Pendapatan Faedah serta Pelunasan Geran Kerajaan berjumlah RM3.81juta.

Jadual 10.3: Jumlah pendapatan sebenar

| Hasil dan Pendapatan | RM | Peratusan |
|---------------------------|-------------------|-------------|
| Cap Dagangan | 45,185,977 | 56.25% |
| Paten | 25,560,502 | 31.82% |
| Reka Bentuk Perindustrian | 5,291,810 | 6.59% |
| Petunjuk Geografi | 12,365 | 0.02% |
| Hak Cipta | 465,945 | 0.58% |
| Pendapatan Lain | 3,808,620 | 4.74% |
| Jumlah | 80,325,219 | 100% |

Perbelanjaan Mengurus Sebenar adalah sebanyak RM72.58juta, dengan kurangan sebanyak RM25.78juta (26.21%) daripada jumlah perbelanjaan yang telah dianggarkan iaitu RM98.36juta. Pengurangan perbelanjaan berbanding anggaran ini disebabkan perbelanjaan dilaksanakan secara berhemat selaras dengan saranan Kerajaan.

Jadual 10.4: Perbelanjaan Mengurus Sebenar

| Perbelanjaan Mengurus | RM | Peratusan |
|-----------------------------|-------------------|-------------|
| Emolumen | 36,687,689 | 50.55% |
| Susut Nilai dan Pelunasan | 2,532,000 | 3.49% |
| Perbelanjaan Lain | | |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 27,561,085 | 37.97% |
| Pemberian dan Bayaran Tetap | 880,097 | 1.21% |
| Perbelanjaan Lain | 75,403 | 0.11% |
| Kos Kewangan | 4,843,698 | 6.67% |
| Jumlah Perbelanjaan | 72,579,972 | 100% |

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

MyIPO memperolehi pendapatan keseluruhan sebanyak RM80.33juta dengan lebihan untung bersih tahun semasa sebanyak RM5.42juta berbanding RM7.77juta bagi tahun 2018.

Jadual 10.5: Perbandingan pendapatan sebenar antara 2019 dengan 2018

| Hasil dan Pendapatan | 2019 (RM) | 2018 (RM) | Peratusan Perbezaan |
|-----------------------------|-------------------|-------------------|----------------------------|
| Cap Dagangan | 45,185,977 | 53,024,024 | -14.78% |
| Paten | 25,560,502 | 23,146,201 | 10.43% |
| Reka Bentuk Perindustrian | 5,291,810 | 5,208,120 | 1.61% |
| Petunjuk Geografi | 12,365 | 6,870 | 79.99% |
| Hak Cipta | 465,945 | 375,780 | 23.99% |
| Pendapatan Operasi Lain | 3,808,620 | 4,884,097 | -22.02% |
| Jumlah | 80,325,219 | 86,645,092 | -7.29% |

Perbelanjaan Mengurus Sebenar menunjukkan pengurangan sebanyak RM2.96juta dibandingkan dengan tahun 2018 iaitu dengan peratusan perbezaan 3.92%

Jadual 10.6: Perbandingan perbelanjaan mengurus sebenar antara 2019 dengan 2018

| Perbelanjaan Mengurus | 2019 (RM) | 2018 (RM) | Peratusan Perbezaan |
|------------------------------|-------------------|-------------------|----------------------------|
| Emolumen | 36,687,689 | 37,142,684 | -1.22% |
| Susut Nilai dan Pelunasan | 2,532,000 | 3,511,124 | -27.89% |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 27,561,085 | 30,087,315 | -8.40% |
| Pemberian dan Bayaran Tetap | 880,097 | 1,220,328 | -27.88% |
| Perbelanjaan Lain | 75,403 | 328,167 | -77.02% |
| Kos Kewangan | 4,843,689 | 3,248,464 | 49.11% |
| Jumlah | 72,579,972 | 75,538,082 | -3.92% |






Jadual 10.7: Penyata pendapatan komprehensif bagi lima tahun berakhir

31 Disember, 2015 - 2019

| Pendapatan | 2019 (RM) | 2018 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2015 (RM) |
|---|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Pendapatan | 76,516,599 | 81,760,995 | 77,783,392 | 74,735,974 | 74,921,633 |
| Pendapatan Operasi Lain | 2,630,079 | 2,638,115 | 9,416,975 | 7,372,741 | 4,078,846 |
| Peruntukan Kerajaan | 1,178,541 | 2,245,982 | 2,569,875 | 2,056,848 | 5,806,111 |
| Jumlah Hasil dan Pendapatan | 80,325,219 | 86,645,092 | 89,770,242 | 84,165,563 | 84,806,590 |
| Emolumen | 36,687,689 | 37,142,684 | 39,709,295 | 36,237,057 | 37,465,718 |
| Belanja Operasi Lain | 28,516,585 | 31,635,810 | 34,910,614 | 36,318,083 | 37,672,364 |
| Belanja Susut Nilai dan Pelunasan | 2,532,000 | 3,511,124 | 3,675,230 | 3,519,870 | 4,537,846 |
| Kos Kewangan | 4,843,698 | 3,248,464 | 3,135,219 | 3,001,766 | 2,819,442 |
| Jumlah Perbelanjaan | 72,579,972 | 75,538,082 | 81,430,358 | 79,076,776 | 82,495,370 |
| Lebihan Pendapatan | 7,745,247 | 11,107,010 | 8,339,884 | 5,088,787 | 2,311,220 |
| Peruntukan Bayaran Kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | 2,323,574 | 3,332,103 | 2,501,965 | 1,526,636 | 693,366 |
| Lebihan Bersih | 5,421,673 | 7,774,907 | 5,837,919 | 3,562,151 | 1,617,854 |

Carta 10.1: Lebihan Terkumpul, 2015 - 2019



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Jadual 10.8: Penyata kedudukan kewangan bagi lima tahun berakhir 31 Disember, 2015 - 2019

| Aset Bukan Semasa | 2019 (RM) | 2018 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2015 (RM) |
|------------------------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------------------|
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 6,118,531 | 7,884,503 | 9,829,097 | 10,608,267 | 11,811,333 |
| Kerja Dalam Kemajuan | 182,304,526 | 103,342,452 | 95,913,209 | 82,064,424 | 77,375,693 |
| Hartanah Pelaburan | 1,400,000 | 1,876,666 | 1,916,666 | 3,032,833 | 3,094,833 |
| Aset Tidak Ketara | 15,577 | 13,090 | - | - | - |
| Pinjaman Pekerja | 1,365,385 | 1,600,355 | 1,721,425 | 1,339,210 | - |
| | 191,204,019 | 114,717,066 | 109,380,397 | 97,044,734 | 92,281,859 |
| Aset Semasa | | | | | |
| Pinjaman Pekerja | 28,543 | 19,770 | 10,649 | 49,760 | - |
| Penghutang, Deposit dan Prabayar | 5,681,300 | 5,112,302 | 10,026,941 | 7,838,943 | 34,185,893 |
| Simpanan Tetap Jangka Pendek | 125,730,000 | 105,730,000 | 98,530,000 | 93,693,836 | 62,513,836 |
| Wang Tunai dan Baki Bank | 27,382,652 | 22,896,403 | 12,060,025 | 5,738,873 | 9,411,178 |
| | 158,822,495 | 133,758,475 | 120,627,615 | 107,321,412 | 106,110,907 |
| Jumlah Aset | 350,026,514 | 248,475,541 | 230,008,012 | 204,366,146 | 198,392,766 |
| Dibiayai Oleh | | | | | |
| Lebihan Terkumpul | 130,407,040 | 124,985,367 | 117,210,460 | 111,372,541 | 107,810,390 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | 6,000,000 | 6,000,000 | 6,000,000 | 6,000,000 | 6,000,000 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Komputer | 1,500,000 | 1,500,000 | 1,500,000 | 1,500,000 | 1,500,000 |
| | 137,907,040 | 132,485,367 | 124,710,460 | 118,872,541 | 115,310,390 |
| Liabiliti Jangka Panjang | | | | | |
| Pinjaman | 135,281,760 | 66,022,370 | 64,423,556 | 60,119,863 | 60,392,963 |
| Geran Pembangunan | 46,737,097 | 24,554,326 | 19,476,932 | 5,646,635 | 5,883,878 |
| Geran Penilaian Harta Intelek | 2,760,124 | 2,822,891 | 3,303,792 | 3,874,518 | 4,342,979 |
| | 184,778,981 | 93,399,587 | 87,204,280 | 69,641,016 | 70,619,820 |
| Liabiliti Semasa | | | | | |
| Pelbagai Pembiutang dan Akruan | 21,316,751 | 19,770,783 | 15,453,878 | 13,489,726 | 12,462,556 |
| Pinjaman | 6,023,742 | 2,819,804 | 2,639,394 | 2,362,863 | - |
| | 27,340,493 | 22,590,587 | 18,093,272 | 15,852,589 | 12,462,556 |
| Jumlah Ekuiti dan Liabiliti | 350,026,514 | 248,475,541 | 230,008,012 | 204,366,146 | 198,392,766 |



Jadual 10.9: Nisbah kewangan bagi lima tahun, 2015 - 2019

| Nisbah Kecairan | 2019 (%) | 2018 (%) | 2017 (%) | 2016 (%) | 2015 (%) |
|--|----------|----------|----------|----------|----------|
| Nisbah Semasa | 5.81 | 5.92 | 6.67 | 6.77 | 8.51 |
| Nisbah Tunai | 5.60 | 5.69 | 6.11 | 6.27 | 5.77 |
| Nisbah Hutang | | | | | |
| Nisbah Hutang kepada Jumlah Aset | 0.61 | 0.47 | 0.36 | 0.42 | 0.42 |
| Nisbah Belanja Mengurus | | | | | |
| Jumlah Perbelanjaan Mengurus berbanding Jumlah Hasil dan Pendapatan Lain (%) | 90.36 | 87.18 | 90.71 | 93.95 | 97.27 |
| Belanja Emolumen berbanding Jumlah Hasil dan Pendapatan Lain (%) | 45.67 | 42.87 | 44.23 | 43.05 | 44.18 |
| Belanja Operasi Lain berbanding Jumlah Hasil dan Pendapatan Lain (%) | 41.53 | 40.26 | 38.89 | 43.15 | 44.42 |
| Belanja Pembelian Aset Tetap berbanding Jumlah Hasil dan Pendapatan (%) | 0.04 | 0.48 | 2.05 | 2.68 | 28.60 |
| Nisbah Keuntungan | | | | | |
| Margin Untung Bersih (%) | 6.75 | 8.97 | 6.50 | 4.23 | 1.91 |
| Pulangan Atas Pelaburan Aset Tetap | 0.02 | 0.05 | 0.05 | 0.04 | 0.02 |
| Nisbah Aktiviti | | | | | |
| Pusingan Ganti Aset Tetap | 0.36 | 0.61 | 0.82 | 0.87 | 0.92 |
| Pusingan Ganti Jumlah Aset | 0.23 | 0.35 | 0.39 | 0.41 | 0.43 |



11 Penyata Kewangan

2019



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 32, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 (Akta 617) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

- a. Simpanan tetap dalam BIMB Investment Management Berhad berjumlah RM85,530,000 di penyata kedudukan kewangan yang sebenarnya adalah unit amanah dengan harga pasaran berjumlah RM47,587,906 pada 31 Disember 2019. Pihak Perbadanan tidak melaporkan secara berasingan sebagai akaun pelaburan unit amanah di penyata kewangan kerana dikhawatir akan menjelaskan tindakan



mahkamah yang akan diambil. Secara keseluruhan, pelaburan dalam unit amanah terlebih nyata di penyata kewangan sebanyak RM37,942,094. Kesilapan perakaunan ini yang telah dikenal pasti pada tahun kewangan 2018, masih dalam siasatan pihak berkuasa dan penelitian peguam.

- b. Peruntukan gantian cuti rehat yang direkodkan di penyata kewangan tidak selaras dengan MPSAS 25. Ia hanya merekodkan peruntukan gantian cuti rehat kepada kakitangan yang akan bersara pada tahun 2020 dan tidak merangkumi segala manfaat yang berhak diterima oleh kakitangan. Peruntukan gantian cuti rehat yang terkurang nyata bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dianggarkan berjumlah RM967,076.
- c. Pihak Perbadanan tidak pernah membuat bayaran cukai pendapatan sejak penubuhannya dan tidak pernah menyediakan peruntukan cukai di dalam penyata kewangan. Menurut surat kelulusan pihak berwajib, Perbadanan telah diluluskan pengecualian cukai terhadap pendapatan kecuali bagi pendapatan dividen secara bersyarat. Peruntukan cukai ke atas dividen unit amanah yang pernah dipegang dalam tahun kewangan 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014 dianggarkan berjumlah RM886,791. Ini telah menyebabkan liabiliti terkurang nyata manakala keuntungan terkumpul terlebih nyata dengan jumlah yang sama.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 (Akta 617). Anggota Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan





Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Anggota Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Harta Intelek Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasinya kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesaan kawalan dalaman Perbadanan Harta Intelek Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Perbadanan.



- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Harta Intelek Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 (Akta 617), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 3(i) kepada penyata kewangan, Perbadanan Harta Intelek Malaysia telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2019 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2018. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Anggota Perbadanan terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia pada 31 Disember 2018, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Perbadanan Harta Intelek Malaysia bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2018 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2019 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.





b. Sijil ini dibuat untuk Anggota Perbadanan berdasarkan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 (Akta 617) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan Sijil ini.

(ZAKRI BIN MAMAT)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
18 NOVEMBER 2020



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA


PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

**PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG ANGGOTA PERBADANAN
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**

Kami, DATUK MOHAMAD BIN HJ ALAMIN dan DR. ALAUDDIN BIN SIDAL yang merupakan Pengurus dan salah seorang Anggota Perbadanan PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO) dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO) pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Perbadanan,

Bagi pihak Anggota Perbadanan,


DATUK MOHAMAD BIN HJ ALAMIN
Pengerusi
Tarikh : **09 NOV 2020**
Tempat : **KUALA LUMPUR**


DR. ALAUDDIN BIN SIDAL
Anggota Perbadanan
Tarikh : **09 NOV 2020**
Tempat : **KUALA LUMPUR**



**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**

Saya, DATO' MOHD ROSLAN BIN MAHYUDIN pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.



Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Kuala Lumpur SELANGOR DARUL EHSAN)
pada : **09 NOV 2020**)



J-01-04, Jalan PJS 2, Taman Medan Jaya,
 46000 Petaling Jaya, Selangor

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2019**

| | NOTA | 2019 RM | 2018 RM | | |
|---|------|------------------------|--------------------|--|--|
| | | (Dinyatakan Semula) | | | |
| ASET | | | | | |
| ASET SEMASA | | | | | |
| Pinjaman Pekerja | 4 | 28,543 | 19,770 | | |
| Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar | 5 | 5,681,300 | 5,112,302 | | |
| Simpanan Tetap | 6 | 125,730,000 | 105,730,000 | | |
| Wang Tunai dan Baki Bank | 7 | 27,382,652 | 22,896,403 | | |
| JUMLAH ASET SEMASA | | <u>158,822,495</u> | <u>133,758,475</u> | | |
| ASET BUKAN SEMASA | | | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 8 | 6,118,531 | 7,884,503 | | |
| Kerja Dalam Kemajuan | 9 | 182,304,526 | 103,342,452 | | |
| Hartanah Pelaburan | 10 | 1,400,000 | 1,876,666 | | |
| Aset Tak Ketara | 11 | 15,577 | 13,090 | | |
| Pinjaman Pekerja | 4 | 1,365,385 | 1,600,355 | | |
| JUMLAH ASET BUKAN SEMASA | | <u>191,204,019</u> | <u>114,717,066</u> | | |
| JUMLAH ASET | | <u>350,026,514</u> | <u>248,475,541</u> | | |
| LIABILITI | | | | | |
| LIABILITI SEMASA | | | | | |
| Pinjaman | 12 | 6,023,742 | 2,819,804 | | |
| Pelbagai Pembiayaan dan Akruan | 13 | 21,316,751 | 19,770,783 | | |
| JUMLAH LIABILITI SEMASA | | <u>27,340,493</u> | <u>22,590,587</u> | | |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | | | |
| Pinjaman | 12 | 135,281,760 | 66,022,370 | | |
| Geran Pembangunan | 14 | 46,737,097 | 24,554,326 | | |
| Geran Penilaian Harta Intelek | 15 | 2,760,124 | 2,822,891 | | |
| JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA | | <u>184,778,981</u> | <u>93,399,587</u> | | |
| JUMLAH LIABILITI | | <u>212,119,474</u> | <u>115,990,174</u> | | |
| ASET BERSIH | | <u>137,907,040</u> | <u>132,485,367</u> | | |

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (SAMBUNGAN)
PADA 31 DISEMBER 2019

| NOTA | 2019 RM | 2018 RM (Dinyatakan Semula) |
|----------------------------------|--------------------|--------------------------------------|
| ASET BERSIH/EKUITI | | |
| Lebihan Terkumpul | 130,407,040 | 124,985,367 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | 6,000,000 | 6,000,000 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Komputer | 1,500,000 | 1,500,000 |
| JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI | 137,907,040 | 132,485,367 |

Nota yang disediakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA****PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

| | NOTA | 2019 RM | 2018 RM (Dinyatakan Semula) |
|---|------|---------------------|--------------------------------------|
| HASIL | | | |
| Hasil Operasi | 16 | 76,516,599 | 81,760,995 |
| Hasil Bukan Operasi | 17 | 3,808,620 | 4,884,097 |
| JUMLAH HASIL | | 80,325,219 | 86,645,092 |
| BELANJA | | | |
| Emolumen | 18 | (36,687,689) | (37,142,684) |
| Belanja Susut Nilai dan Pelunasan | | (2,532,000) | (3,511,124) |
| Belanja Operasi Lain | 19 | (28,516,585) | (31,635,810) |
| Kos Kewangan | 20 | (4,843,698) | (3,248,464) |
| JUMLAH BELANJA | | (72,579,972) | (75,538,082) |
| Lebihan hasil sebelum cukai dan bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | | 7,745,247 | 11,107,010 |
| Cukai Pendapatan | 21 | - | - |
| Peruntukan bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | 22 | (2,323,574) | (3,332,103) |
| LEBIHAN HASIL SELEPAS CUKAI DAN BAYARAN KEPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN PERSEKUTUAN | | 5,421,673 | 7,774,907 |

Nota yang disediakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

| | LEBIHAN TERKUMPUL RM | KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN RM | KUMPULAN WANG PINJAMAN KOMPUTER RM | JUMLAH RM |
|---|----------------------------|---|--|--------------------|
| Baki Pada 1 Januari 2018 | 117,210,460 | 6,000,000 | 1,500,000 | 124,710,460 |
| Lebihan Hasil Bersih Tahun Semasa (Dinyatakan Semula) | 7,774,907 | - | - | 7,774,907 |
| Baki Pada 31 Disember 2018 | 124,985,367 | 6,000,000 | 1,500,000 | 132,485,367 |
| Lebihan Hasil Bersih Tahun Semasa | 5,421,673 | - | - | 5,421,673 |
| Baki Pada 31 Disember 2019 | 130,407,040 | 6,000,000 | 1,500,000 | 137,907,040 |

Nota yang disediakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

| NOTA | 2019 RM | 2018 RM | (Dinyatakan Semula) |
|---|---------------------|--------------------|------------------------|
| ALIRAN TUNAI DARI / (UNTUK) AKTIVITI OPERASI | | | |
| Lebihan Hasil Sebelum Cukai Pendapatan dan Bayaran Kepada Kumpulan Wang Disatukan | 7,745,247 | 11,107,010 | |
| Pelarasan : | | | |
| Susut nilai dan Pelunasan | 2,532,000 | 3,511,124 | |
| Faerah Pinjaman – Bangunan | 4,843,698 | 3,248,464 | |
| Keuntungan/ (Kerugian) Atas Pelupusan Aset | 723 | (22,864) | |
| Kerugian Atas Penilaian Semula Hartanah Pelaburan | 436,666 | - | |
| Faerah Ke Atas Simpanan Tetap | (1,799,030) | (401,380) | |
| Pelunasan Geran | (1,579,996) | (2,573,506) | |
| Lebihan Hasil Sebelum Perubahan Dalam Modal Kerja | 12,179,308 | 14,868,848 | |
| (Pengurangan)/Penambahan Pelbagai Penghutang | (342,801) | 5,026,588 | |
| Pengurangan/(Penambahan) Pelbagai Pembiutang | (777,606) | 984,802 | |
| TUNAI DIJANA DARI AKTIVITI OPERASI | 11,058,901 | 20,880,238 | |
| Faerah Pinjaman Dibayar – Bangunan | (4,843,698) | (3,248,464) | |
| ALIRAN TUNAI BERSIH DIJANA DARI AKTIVITI OPERASI | 6,215,203 | 17,631,774 | |
| ALIRAN TUNAI DARI / (UNTUK) AKTIVITI PELABURAN | | | |
| Penambahan Aset Tetap/ Kerja Dalam Kemajuan | (79,691,312) | (8,972,188) | |
| Faerah Dalam Simpanan Tetap dan Pelaburan | 1,799,030 | 401,380 | |
| Terimaan daripada Jualan Aset | - | 26,189 | |
| ALIRAN TUNAI BERSIH DIGUNAKAN UNTUK AKTIVITI PELABURAN | (77,892,282) | (8,544,619) | |
| ALIRAN TUNAI DARI / (UNTUK) AKTIVITI PEMBIAYAAN | | | |
| Pinjaman Bank | 72,463,328 | 1,779,223 | |
| Penambahan Geran Pembangunan | 23,700,000 | 7,170,000 | |
| ALIRAN TUNAI BERSIH DIJANA DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN | 96,163,328 | 8,949,223 | |
| Perubahan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai | 24,486,249 | 18,036,378 | |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | 43,096,403 | 25,060,025 | |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN | 23 | 67,582,652 | 43,096,403 |

Nota yang disediakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini



**PENYATA BAJET TAHUNAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

| | JUMLAH BAJET ASAL RM | JUMLAH AKHIR RM | JUMLAH SEBENAR RM | PERBEZAAN RM |
|-----------------------------------|----------------------------|-----------------------|-------------------------|---------------------|
| Hasil Operasi | | | | |
| Cap Dagangan | 57,500,000 | 57,500,000 | 45,185,977 | (12,314,023) |
| Paten | 25,500,000 | 25,500,000 | 25,560,502 | 60,502 |
| Reka Bentuk Perindustrian | 5,300,000 | 5,300,000 | 5,291,810 | (8,190) |
| Hak Cipta | 350,000 | 350,000 | 465,945 | 115,945 |
| Petunjuk Geografi | 7,020 | 7,020 | 12,365 | 5,345 |
| Jumlah Hasil Operasi | 88,657,020 | 88,657,020 | 76,516,599 | (12,140,421) |
| Hasil Bukan Operasi | 8,542,980 | 8,542,980 | 3,325,168 | (5,217,812) |
| Akademi Harta Intelek | 800,000 | 800,000 | 483,452 | (316,548) |
| Jumlah Hasil Bukan Operasi | 9,342,980 | 9,342,980 | 3,808,620 | (5,534,360) |
| JUMLAH HASIL | 98,000,000 | 98,000,000 | 80,325,219 | (17,674,781) |
| Perbelanjaan | | | | |
| Emolumen | 44,136,180 | 43,020,946 | 36,687,689 | (6,333,257) |
| Bekalan dan Perkhidmatan | 36,068,820 | 33,442,035 | 27,561,085 | (5,880,950) |
| Pemilikan Harta Modal | 805,000 | 968,278 | 800,400 | (167,878) |
| Pemberian Dan Bayaran Tetap | 5,410,000 | 8,978,741 | 8,047,370 | (931,371) |
| Perbelanjaan Lain | 1,580,000 | 1,590,000 | 75,403 | (1,514,597) |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 88,000,000 | 88,000,000 | 73,171,947 | (14,828,053) |
| LEBIHAN/(KURANGAN) | 10,000,000 | 10,000,000 | 7,153,272 | (2,846,728) |

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

1) Maklumat Am

Perbadanan Harta Intelek Malaysia telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 (Akta 617) beralamat di Unit 1-7, Aras Bawah, Tower B, Menara UOA Bangsar, No. 5, Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Perbadanan adalah menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pengurusan, memungut dan menguatkusakan bayaran fi atau apa-apa caj untuk Cap Dagangan, Paten, Reka Bentuk Perindustrian, Hakcipta dan Petunjuk Geografi yang diperuntukkan di bawah Perundangan Harta Intelek, bertindak sebagai penasihat dalam apa-apa isu atau perkara berkaitan perundangan Harta Intelek, memberi kesedaran kepada masyarakat awam tentang kepentingan Harta Intelek melalui penganjuran program di peringkat dalam negeri dan sebagai penyebar maklumat berkaitan Harta Intelek.

Penyata kewangan dibentangkan dalam matawang fungsian, yang mana merupakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana Perbadanan beroperasi.

Matawang fungsian Perbadanan adalah Ringgit Malaysia ("RM"), dimana aktiviti utama jualan dan pembelian adalah dalam RM, perolehan daripada operasi biasanya disimpan dalam RM dan dana daripada aktiviti pembiayaan terutamanya dijana dalam RM.

2) Tarikh Kelulusan Penerbitan

Penyata kewangan telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Anggota Perbadanan pada **28 April 2020**.

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama

Penyata kewangan yang dilampirkan pada muka surat 3 hingga 32 telah disediakan menurut Piawaian 2 Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS – *Malaysian Public Sector Accounting Standards*). Penyata kewangan Perbadanan telah disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Untuk tahun-tahun yang sebelumnya, penyata kewangan Perbadanan telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Perakaunan untuk Entiti Persendirian (PERS – *Private Entities Reporting Standards*).

i) Transisi dan Adaptasi MPSAS

Perbadanan mula melaksanakan transisi dan adaptasi polisi perakaunan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) bermula pada atau selepas 1 Januari 2019 yang melibatkan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 seperti berikut:

MPSAS

- MPSAS 1 Pembentangan Penyata Kewangan
- MPSAS 2 Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3 Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 4 Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing
- MPSAS 5 Kos Pinjaman
- MPSAS 9 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)

a) Transisi dan Adaptasi MPSAS (*sambungan*)

- MPSAS 14 Peristiwa selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 16 Hartanah Pelaburan
- MPSAS 17 Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 20 Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 21 Penjejasan Aset Tidak Menjana Tunai
- MPSAS 23 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
- MPSAS 24 Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25 Manfaat Pekerja
- MPSAS 26 Penjejasan Aset Menjana Tunai
- MPSAS 31 Aset Tak Ketara
- MPSAS 33 Pemakaian Kali Pertama MPSAS Berasaskan Akruan

Semua perubahan di dalam polisi perakaunan adalah berdasarkan peruntukan peralihan di dalam piawaian di atas.

b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartaanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos tolak susutnilai terkumpul. Kos sesuatu item bagi hartaanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Perbadanan dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Selepas diiktiraf sebagai aset, semua item hartaanah, loji dan peralatan adalah diukur pada kos ditolak sebarang susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, kecuali tanah pegangan bebas.

Kecuali tanah pegangan bebas dan kerja dalam kemajuan yang tidak disusutnilai, susutnilai disediakan atas kaedah garis lurus untuk menghapuskan amaun yang boleh disusutnilai sepanjang jangka hayat bergunanya, seperti berikut:

Peratus Tahunan Susutnilai :

| | Peratus Tahunan | Hayat Berguna (tahun) |
|---------------------|-----------------|-----------------------|
| Bangunan | 2% | 50 |
| Kelengkapan pejabat | 10% | 10 |
| Komputer | 20% | 5 |
| Kenderaan | 20% | 5 |

Susutnilai aset bermula apabila ianya sedia untuk digunakan.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, hayat berguna atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)

b) Hartanah, Loji dan Peralatan (*sambungan*)

Amaun bawaan bagi item hartaanah, loji dan peralatan tidak lagi diiktiraf ke atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item hartaanah, loji dan peralatan, ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan item, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sama ada perolehan jualan atau sebarang keuntungan ke atas pelupusan tidak dikelaskan sebagai hasil.

Kerja Dalam Kemajuan yang diiktiraf adalah merangkumi kos pembinaan bangunan dan pembangunan sistem bagi Perbadanan.

c) Hartanah Pelaburan

Hartaanah pelaburan yang dipegang untuk mendapat sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, pada awalnya diukur pada kos. Kos urusniaga termasuk dalam pengukuran awal.

Selepas pengiktirafan sebagai hartaanah pelaburan, jika nilai saksama item hartaanah pelaburan yang boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar diukur pada nilai saksama pada setiap lima (5) tahun dari tarikh pelaporan terakhir dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Kepentingan hartaanah yang dipegang di bawah pajakan operasi tidak dikelaskan dan diambil kira sebagai hartaanah pelaburan. Peratusan susutnilai adalah sebanyak 2% setahun dengan hayat berguna selama 50 tahun.

d) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan aset akan mengalir kepada Perbadanan, kos atau nilai aset boleh diukur dengan pasti dan aset tak mengakibatkan daripada perbelanjaan yang dilibatkan secara dalaman pada item tidak ketara.

Pelunasan aset tak ketara adalah sebanyak 2% setahun dengan hayat berguna selama 10 tahun selaras dengan tempoh pembaharuan Cap Dagangan yang telah didaftarkan.

e) Rosot Nilai Aset

Pada setiap tarikh pelaporan, Perbadanan menilai sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai. Jika mana-mana petanda sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset tersebut dianggarkan.

Apabila terdapat petanda bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai tetapi ia tidak dapat menganggar amaun boleh pulih bagi aset tersebut, Perbadanan akan menganggarkan amaun boleh pulih bagi unit penjanaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)

e) Rosot Nilai Aset (*sambungan*)

Amaun boleh pulih aset dan unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Jika amaun boleh pulih aset atau unit penjanaan tunai kurang daripada amaun bawaan, kerugian rosot nilai diiktiraf untuk mengurangkan amaun bawaan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosot nilai bagi unit penjanaan tunai adalah diperuntukan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan sebarang

muhibah yang diperuntukan kepada unit penjanaan tunai, dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain unit pro-rata atas asas amaun bawaan bagi setiap aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai. Kerugian rosot nilai aset diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia diambilkira sebagai pengurangan penilaian semula.

Amaun boleh pulih adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual, nilai dalam penggunaan aset atau unit penjanaan tunai, dan sifar.

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya untuk aset atau aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai dibalikkan apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menetapkan amaun boleh pulih aset. Kerugian rosot nilai yang dibalikkan hanya setakat tahap amaun bawaan aset tak melebihi amaun bawaan yang telah ditentukan, ditolak susutnilai, jika tiada kerugian rosot nilai yang telah diiktiraf pada tempoh lepas. Pembalikan kerugian rosot nilai adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia diambilkira sebagai peningkatan penilaian semula.

Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk rosot nilai apabila peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi. Rosot nilai akan dicaj di Penyata Prestasi Kewangan. Bagi aset-aset lain, jika terdapat sebarang kenaikan dalam amaun yang akan diperolehi, ianya diiktiraf di Penyata Prestasi Kewangan kecuali terdapat pembalikan rosot nilai atas aset yang dinilai semula di mana ianya akan diambilkira ke Lebihan Penilaian Semula.

f) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbang kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosot nilai.



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)

f) Aset Kewangan (*sambungan*)

i. Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian fatau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada aman kos ini ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

ii. Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada aman tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan aman bawaan aset kewangan.

iii. Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosot Nilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosot nilai.

iv. Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Perbadanan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosot nilai.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosot nilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosot nilai.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)

g) Simpanan Tetap

Simpanan tetap dinyatakan pada kos berdasarkan nilai yang disimpan dalam jangkamasa yang ditetapkan.

h) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki tunai dan bank, deposit jangka pendek dan pelaburan yang lain berjangka pendek, berkecairan tinggi yang mempunyai tempoh matang yang singkat selama tiga bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan, selepas ditolak overdraf bank.

i) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi Perbadanan kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosot nilai.

i. Liabiliti Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada aman kos ini ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti bagi nilai saksama boleh didapati.

ii. Liabiliti Kewangan Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskain anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amanah bawaan liabiliti kewangan.



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)

i) Liabiliti Kewangan (*sambungan*)

iii. Komitmen Pinjaman Diukur pada Kos Ditolak Rosot Nilai

Komitmen untuk menerima pinjaman yang memenuhi syarat-syarat diukur pada kos ditolak rosot nilai.

iv. Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara amaun bawaan liabiliti kewangan dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

i) Pinjaman Kakitangan

Pinjaman kakitangan dinyatakan pada kos. Anggaran ke atas hutang ragu dibuat berdasarkan ke atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dihapuskira pada tempoh ia dikenalpasti.

j) Peruntukan

Sesuatu peruntukan diiktiraf apabila Perbadanan mempunyai obligasi pada tarikh pelaporan akibat daripada peristiwa yang lalu, ia terdapat kemungkinan bahawa pemindahan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang munasabah boleh dibuat daripada amaun obligasi tersebut.

Risiko dan ketidaktentuan yang diambilkira dalam pengiraan dalam mencapai anggaran peruntukan yang terbaik. Apabila kesan nilai masa wang adalah ketara, amaun yang diiktiraf dalam peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

k) Pengiktirafan Geran dan Peruntukan

Perbadanan telah memperuntukkan kumpulan wang sebagai salah satu kemudahan kepada kakitangan Perbadanan daripada lebihan terkumpul setiap tahun.

i. Lebihan Terkumpul

Lebihan Terkumpul merupakan lebihan hasil Perbadanan dari perbelanjaan yang terkumpul selama beroperasi bagi membayai perbelanjaan operasi yang diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan (Lebihan Terkumpul) tahun semasa.

ii. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan

Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan merupakan peruntukan dari Lebihan Terkumpul bagi tujuan membayai pinjaman kenderaan kepada kakitangan sebagai salah satu kemudahan kepada kakitangan Perbadanan.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)

k) Pengiktirafan Geran dan Peruntukan (*sambungan*)

iii. Kumpulan Wang Pinjaman Komputer

Kumpulan Wang Pinjaman Komputer merupakan peruntukan dari Lebihan Terkumpul bagi tujuan membiayai pinjaman komputer kepada kakitangan sebagai salah satu kemudahan kepada kakitangan Perbadanan.

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau akan diterima dan diiktiraf dalam hasil apabila perolehan geran akan diterima.

Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam hasil hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi

Geran kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

i. Geran Pembangunan

Geran Pembangunan yang diterima bagi membiayai kos projek pembangunan dan penyelidikan adalah hanya diambilkira sebagai hasil dalam penyata pendapatan (Geran Pembangunan) tahunan dan ianya digunakan atau untuk perbelanjaan modal bagi tempoh hayat aset yang diperolehi mengikut jumlah pindahan tahunan yang sepadan dengan caj susutnilai.

ii. Geran Penilaian Harta Intelek

Geran Penilaian Harta Intelek diterima bagi membiayai kos projek pembangunan dan penyelidikan adalah hanya diambilkira sebagai hasil dalam penyata pendapatan (Geran Penilaian Harta Intelek) tahunan dan ianya digunakan atau untuk perbelanjaan modal bagi tempoh projek pembangunan itu dijalankan.

l) Pinjaman

Kos pinjaman merupakan kos pembiayaan pembinaan bangunan MyIPO yang mempunyai cagaran di bank berlesen. Kos pinjaman ini adalah termasuk faedah sebanyak 4% dan BFR yang diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

m) Kos Kewangan

Semua Kos Kewangan yang dibayar pada tahun kewangan adalah Belanja Faedah daripada pinjaman yang diukur pada Kos Terlunas.



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)

n) Pendedahan Pihak Berkepentingan

| i. Pampasan Kakitangan Pengurusan Utama | 2019 RM | 2018 RM |
|---|------------|------------|
| Jumlah pampasan kakitangan pengurusan utama | 1,131,797 | 774,435 |
| Bilangan orang | 10 orang | 11 orang |

Jumlah pampasan kakitangan pengurusan utama adalah termasuk dengan bayaran ex-gratia. Bayaran ini hanya dibayar sekali dalam tempoh pelantikan termasuk lantikan semula.

ii. Geran Pembangunan

Perbadanan tidak mempunyai urusniaga yang melibatkan pihak berkepentingan kecuali melibatkan penerimaan Geran Pembangunan daripada Kerajaan.

| | 2019 RM | 2018 RM |
|-------------------|-------------------|------------------|
| Geran Pembangunan | 23,700,000 | 7,170,000 |
| | <u>23,700,000</u> | <u>7,170,000</u> |

o) Pengiktirafan Hasil

Sumber Hasil Perbadanan Harta Intelek Malaysia terdiri daripada Fi Cap Dagangan, Paten, Reka Bentuk Perindustrian, Hakcipta, Petunjuk Geografi, kutipan sewaan dan faedah diterima daripada Simpanan Tetap.

Pengiktirafan hasil adalah seperti berikut :

i. Hasil Operasi

Hasil Fi Cap Dagangan, Paten, Reka Bentuk Perindustrian, Hakcipta, Petunjuk Geografi diiktiraf secara tunai dan akruan.

ii. Hasil Bukan Operasi

- Hasil sewaan diiktiraf apabila inbois dikeluarkan.

Hasil sewa harta tanah adalah diiktiraf pada atas akruan selaras dengan isi perjanjian apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusniaga akan mengalir kepada Perbadanan dan amaun hasil boleh diukur dengan munasabah.

- Hasil faedah dan dividen diiktiraf secara tunai dan akruan.

Hasil faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah efektif manakala hasil dividen diiktiraf apabila pada tarikh sijil matang.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)

o) Pengiktirafan Hasil (*sambungan*)

- Pelunasan Geran Pembangunan dan Geran Penilaian Harta Intelek yang diterima turut diambil kira sebagai hasil lain.

p) Tanggungan Luar Jangka

Peruntukan dibuat bila pihak Perbadanan mempunyai obligasi sah atau konstruktif pada masa kini berikutnya peristiwa lepas, di mana kemungkinan aliran keluar sumber perlu dibuat untuk menjelaskan obligasi dan bila anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut.

q) Manfaat Pekerja / Faedah Persaraan Kakitangan

Manfaat jangka pendek

Manfaat pekerja jangka pendek, contohnya upah, gaji dan manfaat lain, adalah diiktiraf pada amaun tidak didiskaun sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Perbadanan.

Pelan Caruman Tetap

Caruman yang perlu dibayar kepada pelan caruman wajib diiktiraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Perbadanan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), Pertubuhan Keselamatan Sosial ("PERKESO") dan Kumpulan Wang Amanah Pencen ("KWAP") diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan Prestasi Kewangan.

Pelan Gantian Cuti Rehat (GCR)

Perbadanan menyediakan manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan iaitu bayaran Gantian Cuti Rahat (GCR) yang tidak digunakan dan terhad kepada 150 hari sepanjang tempoh perkhidmatan kepada pekerja berstatus tetap dan berkhidmat melebihi 20 tahun. GCR dinilai berdasarkan gaji terakhir pada setiap tahun kewangan dan diiktiraf sebagai liabiliti. Peruntukan bagi Gantian Cuti Rehat dibuat berdasarkan 1/30 dari gaji terakhir pegawai termasuk eluan (bagi pekerja lama yang diserap dari Bahagian Harta Intelek Kementerian) ketika bersara beserta jumlah cuti rehat terkumpul sepanjang tempoh perkhidmatan di Perbadanan.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

3) Dasar-dasar Perakaunan Utama (*sambungan*)

r) Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Perbadanan bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi-operasinya dengan lancar. Perbadanan akan mempertimbangkan dan menilai risiko pengurusan kewangan yang dibangkitkan dari masa ke semasa.

i. Risiko Kadar Faedah

Pihak Perbadanan membuat pembiayaan bagi pembelian bangunan baru dan oleh itu terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank.

ii. Risiko Pertukaran Mata Wang Asing

Pihak Perbadanan tidak mempunyai urus niaga pertukaran mata wang asing yang material dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing.

iii. Risiko Kredit

Risiko kredit merujuk kepada risiko di mana pihak lain mengingkari tanggungjawab kontrak yang menyebabkan kerugian kepada Perbadanan. Perbadanan menggunakan pakai dasar hanya untuk berurus secara kredit dengan pihak yang layak dan mendapatkan cagaran yang mencukupi atau keselamatan yang lain di mana sesuai, sebagai satu cara untuk mengurangkan risiko kerugian kewangan daripada kegagalan membayar. Penerimaan dari penghutang dipantau secara berterusan melalui prosedur laporan pengurusan Perbadanan ini. Nilai yang direkodkan di dalam penyata kewangan mewakili pendedahan maksimum Perbadanan kepada risiko kredit.

iv. Risiko Mudah Tunai

Pihak Perbadanan mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang hemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

s) Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan hutang ragu akan diperuntukkan sebagai hutang ragu sekiranya telah tertunggak melebihi tempoh 1 tahun berdasarkan laporan pengumuran hutang. Selepas tempoh 7 tahun, peruntukan hutang ragu akan dihapuskan.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

4) Pinjaman Pekerja

| | 2019 RM | 2018 RM |
|-----------------------------|-------------------------|-------------------------|
| Aset Bukan Semasa | | |
| Pinjaman Pekerja- Kenderaan | 1,328,257 | 1,536,327 |
| Pinjaman Pekerja- Komputer | 37,128 | 64,028 |
| | <u>1,365,385</u> | <u>1,600,355</u> |
| Aset Semasa | | |
| Pinjaman Pekerja- Kenderaan | 20,220 | 10,789 |
| Pinjaman Pekerja- Komputer | 8,323 | 8,981 |
| | <u>28,543</u> | <u>19,770</u> |
| | <u>1,393,928</u> | <u>1,620,125</u> |

Pinjaman pekerja kenderaan dan komputer mewakili jumlah pinjaman yang belum dibayar oleh para pekerja MyIPO. Tempoh maksimum bayaran balik pinjaman kenderaan adalah sehingga 9 tahun manakala bagi pinjaman komputer adalah 5 tahun daripada tarikh pinjaman diluluskan. Terma bayaran balik adalah bayaran bulanan ataupun bayaran terus sekali gus. Jumlah bayaran balik dalam tempoh setahun direkod sebagai Aset Semasa manakala jumlah bayaran balik melebihi tempoh setahun direkod sebagai Aset Bukan Semasa. Faedah ke atas pinjaman pekerja adalah sebanyak 4% setahun.

5) Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar

| | 2019 RM | 2018 RM | (Dinyatakan Semula) |
|----------------------|-------------------------|-------------------------|------------------------|
| Pendahuluan Diri | 9,900 | 6,993 | |
| Hasil Terakru | 350,412 | 150,129 | |
| Deposit dan Prabayar | 3,545,625 | 3,471,353 | |
| Penghutang Pelbagai | <u>1,775,363</u> | <u>1,483,827</u> | |
| | <u>5,681,300</u> | <u>5,112,302</u> | |



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

6) Simpanan Tetap

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|--------------------|--------------------|
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) (Nota 23) | 10,200,000 | 10,200,000 |
| Bank Islam Malaysia Berhad | 85,530,000 | 85,530,000 |
| OCBC Al-Amin Bank (Nota 23) | 15,000,000 | 10,000,000 |
| Bank Simpanan Nasional (Nota 23) | 15,000,000 | - |
| | 125,730,000 | 105,730,000 |

Perbadanan telah membuat peletakan di dalam simpanan tetap di BIMB Investment Management Bhd dengan jumlah terkumpul sehingga 31 Disember 2018 sebanyak RM85,530,000.

Dalam tahun 2019, Perbadanan telah mendapat simpanan tetap ini merupakan pelaburan di dalam unit amanah berbanding simpanan tetap seperti yang telah dilaporkan di dalam tahun-tahun sebelumnya. Perbadanan telah dimanipulasi oleh konsultan yang dilantik oleh pihak bank untuk membuat peletakan di dalam simpanan tetap tetapi sebenarnya merupakan unit amanah. Arahan daripada Perbadanan adalah untuk peletakan simpanan tetap sahaja tetapi pihak konsultan telah membuat peletakan di dalam unit amanah. Laporan polis telah dibuat dan surat aduan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah dikemukakan. Ketika ini, perkara ini masih di dalam siasatan di semua peringkat.

Perbadanan telah melantik peguamcara untuk memberikan nasihat perundangan berkenaan tindakan undang-undang yang boleh diambil ke atas konsultan dan BIMB Investment Management Bhd. Susulan daripada nasihat perundangan yang diterima, Perbadanan akan membuat pelantikan peguamcara bagi mengambil tindakan undang-undang ke atas BIMB Investment Management Bhd berhubung perkara ini.

Pada 31 Disember 2019, pelaburan unit amanah ini adalah berjumlah RM47,587,906.27 dengan harga seunit RM0.1226 (jumlah pegangan unit sebanyak 388,155,842.33 unit). Pada 13 April 2020, pelaburan ini berjumlah RM34,662,316.71 dengan harga seunit RM0.0893.

7) Wang Tunai dan Baki Bank

| | 2019 RM | 2018 RM |
|-----------------|-------------------|-------------------|
| Tunai di Bank | 27,372,152 | 22,884,670 |
| Tunai di Tangan | 10,500 | 11,733 |
| | 27,382,652 | 22,896,403 |



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

8) Hartanah, Loji dan Peralatan

| Kos | Komputer | Kelengkapan Pejabat | Kenderaan | Bangunan | Jumlah |
|------------------------------|------------------|------------------------|----------------|------------------|------------------|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2019 | 43,210,926 | 8,264,560 | 2,830,103 | 1,418,899 | 55,724,488 |
| Pelarasan | (57,826) | (312,712) | - | - | (370,538) |
| Pindahan | 765,000 | - | - | - | 765,000 |
| Penambahan | 19,200 | 13,450 | - | - | 32,650 |
| Pelupusan | - | (3,000) | - | - | (3,000) |
| Hapuskira | (9,240) | - | - | - | (9,240) |
| Baki pada 31 Disember 2019 | 43,928,060 | 7,962,298 | 2,830,103 | 1,418,899 | 56,139,360 |
| Susut Nilai Terkumpul | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2019 | 38,759,159 | 6,542,011 | 2,451,317 | 87,498 | 47,839,985 |
| Pelarasan | (55,967) | (243,410) | - | - | (299,377) |
| Susut nilai | 1,658,799 | 666,573 | 137,987 | 28,378 | 2,491,737 |
| Pelupusan | - | (2,275) | - | - | (2,275) |
| Hapuskira | (9,241) | - | - | - | (9,241) |
| Baki pada 31 Disember 2019 | 40,352,750 | 6,962,899 | 2,589,304 | 115,876 | 50,020,829 |
| Nilai Buku Bersih | 3,575,310 | 999,399 | 240,799 | 1,303,023 | 6,118,531 |

Bangunan iaitu Pejabat MyIPO Cawangan Sabah telah dinilai semula pada tahun 2019 oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dengan harga RM1,800,000.

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

8) Hartanah, Loji dan Peralatan (*sambungan*)

| Kos | Komputer | Kelengkapan Pejabat | Kenderaan | Bangunan | Jumlah |
|------------------------------|------------------|----------------------------|------------------|------------------|------------------|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2018 | 41,856,906 | 8,222,005 | 2,921,349 | 1,418,899 | 54,419,159 |
| Pindahan | 1,127,500 | - | - | - | 1,127,500 |
| Penambahan | 243,180 | 50,855 | 108,254 | - | 402,289 |
| Pelupusan | (16,660) | (8,300) | (199,500) | - | (224,460) |
| Baki pada 31 Disember 2018 | 43,210,926 | 8,264,560 | 2,830,103 | 1,418,899 | 55,724,488 |
| Susut Nilai Terkumpul | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2018 | 36,240,848 | 5,852,945 | 2,437,149 | 59,120 | 44,590,062 |
| Susut nilai | 2,534,967 | 694,046 | 213,667 | 28,378 | 3,471,058 |
| Pelupusan | (16,656) | (4,980) | (199,499) | - | (221,135) |
| Baki pada 31 Disember 2018 | 38,759,159 | 6,542,011 | 2,451,317 | 87,498 | 47,839,985 |
| Nilai Buku Bersih | 4,451,767 | 1,722,549 | 378,786 | 1,331,401 | 7,884,503 |

9) Kerja Dalam Kemajuan

| | 2019 | 2018 |
|---|--------------------|--------------------|
| | RM | RM |
| Pembangunan Bangunan MyIPO* | 160,285,111 | 87,821,783 |
| Pembangunan Sistem SAGA | - | 688,500 |
| Pembangunan Sistem Pengurusan Harta Intelek | 22,019,415 | 14,832,169 |
| | 182,304,526 | 103,342,452 |

*Pembangunan bangunan MyIPO telah mendapat kelulusan pelanjutan masa sehingga 24 Februari 2020 dengan tawaran imbuhan pada nilai RM39.2 juta seperti yang telah dipersetujui menjadikan jumlah keseluruhan kontrak bernilai RM289.2juta. Walau bagaimanapun, jumlah ini masih dalam rundingan beserta terma dan syarat yang akan dimuktamadkan.



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

10) Hartanah Pelaburan

| | 2019 RM | 2018 RM |
|------------------------------|------------------|------------------|
| Kos | | |
| Baki pada 1 Januari | 2,000,000 | 2,000,000 |
| Rosot nilai | (436,666) | - |
| Baki pada 31 Disember | <u>1,563,334</u> | <u>2,000,000</u> |
| Susut Nilai Terkumpul | | |
| Baki pada 1 Januari | (123,334) | (83,334) |
| Susut nilai | (40,000) | (40,000) |
| Baki pada 31 Disember | <u>(163,334)</u> | <u>(123,334)</u> |
| Nilai Buku Bersih | <u>1,400,000</u> | <u>1,876,666</u> |

Hartanah Pelaburan telah dinilai semula pada tahun 2019 oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dengan harga RM1,400,000.00.

11) Aset Tak Ketara

| | 2019 RM | 2018 RM |
|----------------------------|---------------|---------------|
| Harta Intelek | | |
| Kos | | |
| Baki pada 1 Januari | 13,156 | - |
| Penambahan | 2,750 | 13,156 |
| Baki pada 31 Disember | <u>15,906</u> | <u>13,156</u> |
| Pelunasan Terkumpul | | |
| Baki pada 1 Januari | 66 | - |
| Pelunasan | 263 | 66 |
| Baki pada 31 Disember | <u>329</u> | <u>66</u> |
| Nilai Buku Bersih | <u>15,577</u> | <u>13,090</u> |

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019****12) Pinjaman**

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---------------------------|--------------------------|
| Ansuran minimum perlu dibayar | | |
| - Tidak melebihi setahun | 10,275,403 | 5,006,040 |
| - Lebih daripada setahun tetapi tidak melebihi lima tahun | 41,101,610 | 20,024,162 |
| - Lebih daripada lima tahun | 99,705,501 | 50,964,134 |
| | <u>151,082,514</u> | <u>75,994,336</u> |
| Faedah atas pinjaman masa hadapan | (9,777,012) | (7,152,162) |
| | <u>141,305,502</u> | <u>68,842,174</u> |
| Diwakili oleh pinjaman: | | |
| - Semasa | 6,023,742 | 2,819,804 |
| - Jangka panjang | 135,281,760 | 66,022,370 |
| Jumlah Pinjaman | <u>141,305,502</u> | <u>68,842,174</u> |

- a. Pinjaman ini adalah merupakan sebahagian kos pembiayaan pembinaan bangunan MyIPO pada had pinjaman RM237,500,000 tertakluk kepada perjanjian pinjaman dengan bank berlesen bertarikh 18 April 2013.
- b. Pembayaran balik kos pembiayaan pembinaan bangunan perlu dibayar dalam tempoh 20 tahun daripada tarikh pembiayaan dibuat dan dikenakan faedah pada kadar berikut:

Kadar keuntungan siling sebanyak 4% + BFR akan digunakan untuk mengira harga jualan. Kadar keuntungan sebenar dan ansuran adalah seperti di jadual:

| Bulan | Ansuran (RM) | Kadar Keuntungan |
|--------|--------------|------------------|
| 1 – 36 | 2,100,029.00 | COF + 1.00 % |
| 37 | 2,099,993.75 | COF + 1.50 % |
| 38-195 | 2,761,956.00 | COF + 2.00 % |
| 196 | 2,761,860.60 | COF + 2.50 % |

*Kadar COF akan berubah dari semasa ke semasa.

- c. Jadual di atas mengandaikan pelepasan sekaligus jumlah pembiayaan. Sekiranya pelepasan progresif amanu pembiayaan dan/atau bayaran progresif diterima daripada Perbadanan, jadual akan dipinda sewajarnya untuk mengekalkan keuntungan.
- d. Cagaran untuk pinjaman pembiayaan pembinaan bangunan MyIPO di atas adalah dalam bentuk wang tahanan yang disimpan dalam simpanan tetap yang berjumlah RM10,200,000 (2018: RM10,200,000) (Nota 6).



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

13) Pelbagai Pembiutang dan Akruan

| | 2019 RM | 2018 RM (Dinyatakan Semula) |
|---|-------------------|--------------------------------------|
| Pembiutang Pelbagai | 4,914,604 | 2,035,575 |
| Penyelesaian Cek Batal/Tamat Tempoh | 87,655 | 90,206 |
| Pembiutang IP Online | 738,635 | 1,064,808 |
| Wang Tahanan | 272,116 | 191,026 |
| Perbelanjaan terakru | 33,602 | 698,101 |
| Peruntukan kepada Kumpulan Wang Disatukan (terkumpul) | 12,719,085 | 10,395,510 |
| Peruntukan Faedah Pekerja | 2,455,021 | 5,193,672 |
| Peruntukan Gantian Cuti Rehat (GCR) | 35,753 | 41,605 |
| Peruntukan Program IP (1AES) | 60,280 | 60,280 |
| | 21,316,751 | 19,770,783 |

14) Geran Pembangunan

| | 2019 RM | 2018 RM |
|--------------------------------|-------------------|-------------------|
| Baki pada 1 Januari | 24,554,326 | 19,476,932 |
| Penerimaan tahun semasa | 23,700,000 | 7,170,000 |
| | 48,254,326 | 26,646,932 |
| Geran Pembangunan dilunaskan : | | |
| Hasil Operasi* | (1,517,229) | (2,092,606) |
| Baki pada 31 Disember | 46,737,097 | 24,554,326 |

***Hasil Operasi**

Pelunasan Geran kepada Hasil Operasi (Nota 16):

| | 2019 RM | 2018 RM |
|--|------------------|------------------|
| Cap Dagangan | 182,710 | 226,480 |
| Paten | 104,760 | 62,700 |
| Reka Bentuk Perindustrian | 105,200 | 32,200 |
| Hakcipta | 6,685 | 4,745 |
| Petunjuk Geografi | 2,100 | 1,400 |
| Pelunasan Geran kepada Hasil Bukan Operasi (Nota 17) | 1,115,774 | 1,765,081 |
| | 1,517,229 | 2,092,606 |



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019****15) Geran Penilaian Harta Intelek**

| | 2019 RM | 2018 RM |
|--|--------------------------|--------------------------|
| Baki pada 1 Januari | 2,822,891 | 3,303,792 |
| Geran Penilaian Harta Intelek dilunaskan : | | |
| Hasil Bukan Operasi (Nota 17) | (62,767) | (480,901) |
| Baki pada 31 Disember | <u><u>2,760,124</u></u> | <u><u>2,822,891</u></u> |

Geran Penilaian Harta Intelek ini mewakili kos operasi dalam menjalankan Program "Penilaian Harta Intelek". Peruntukan ini diperoleh daripada Kementerian Kewangan (MOF) berjumlah sebanyak RM19,000,000.

16) Hasil Operasi

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---------------------------|--------------------------|--------------------------|
| Cap Dagangan | 45,185,977 | 53,024,024 |
| Paten | 25,560,502 | 23,146,201 |
| Reka Bentuk Perindustrian | 5,291,810 | 5,208,120 |
| Hakcipta | 465,945 | 375,780 |
| Petunjuk Geografi | <u>12,365</u> | <u>6,870</u> |
| | <u>76,516,599</u> | <u>81,760,995</u> |

Hasil adalah termasuk pelunasan Geran Pembangunan yang dilunaskan kepada Hasil (Nota 14).



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

17) Hasil Bukan Operasi

| | 2019 RM | 2018 RM | (Dinyatakan Semula) |
|---|-------------------------|-------------------------|------------------------|
| Pelunasan Geran: | | | |
| Geran Pembangunan (Nota 14) | 1,115,774 | 1,765,081 | |
| Geran Penilaian Harta Intelek (Nota 15) | 62,767 | 480,901 | |
| Hasil Bukan Operasi | 347,597 | 1,750,314 | |
| Sewaan Ruang Pejabat | 483,452 | 486,421 | |
| Faedah Pelaburan: | | | |
| Simpanan Tetap | 1,799,030 | 401,380 | |
| | <u><u>3,808,620</u></u> | <u><u>4,884,097</u></u> | |

18) Emolumen

| | 2019 RM | 2018 RM |
|-------------------------------|--------------------------|--------------------------|
| Gaji | 24,024,812 | 23,144,339 |
| Elaun Perkhidmatan Tetap | 4,333,378 | 4,191,577 |
| Sumbangan Tetap untuk Pekerja | 4,196,285 | 4,170,620 |
| Kerja Lebih Masa | 516,223 | 400,407 |
| Bonus dan Faedah Kewangan | 3,616,991 | 5,235,741 |
| | <u><u>36,687,689</u></u> | <u><u>37,142,684</u></u> |

Jumlah Pekerja

Jumlah pekerja pada akhir tahun

Bil.

417 orang

Bil.

411 orang

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019****19) Belanja Operasi Lain**

| | 2019 | 2018 |
|---------------------------------------|-------------------|-------------------|
| | RM | RM |
| Elaun Perjalanan | 1,001,406 | 923,678 |
| Elaun Pengangkutan | 3,576 | 14,221 |
| Utiliti dan Komunikasi | 2,206,739 | 1,662,037 |
| Sewaan | 13,765,335 | 13,847,966 |
| Bekalan Pejabat dan Lain-Lain | 625,337 | 716,321 |
| Penyelenggaraan dan Perkhidmatan | 2,796,527 | 3,279,737 |
| Percetakan dan Lain-Lain Perkhidmatan | 6,599,606 | 7,097,184 |
| Sumbangan Dalam dan Luar Negara | 789,145 | 1,184,575 |
| Hari Harta Intelek Negara | 3,914 | 869,617 |
| Akademi Harta Intelek | 391,711 | 282,273 |
| Bayaran Balik dan Hapus Kira | 75,403 | 328,167 |
| Ganjaran | 90,952 | 35,753 |
| Caj Bank | 166,934 | 436,807 |
| Cukai Barang dan Perkhidmatan | - | 957,474 |
| | 28,516,585 | 31,635,810 |

20) Kos Kewangan

| | 2019 | 2018 |
|----------------------------|------------------|------------------|
| | RM | RM |
| Faedah Pinjaman – Bangunan | 4,843,698 | 3,248,464 |

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019

21) Cukai Pendapatan

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah memberikan Perbadanan pengecualian dalam bayaran cukai pendapatan ke atas semua pendapatan di peringkat pendapatan statutori kecuali pendapatan dividen mulai tahun taksiran 2003 selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

22) Bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

Berdasarkan kepada Seksyen 36 Akta Perbadanan Harta Intelek 2002 (Akta 617), Perbadanan boleh atas arahan Kerajaan menyebabkan dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan suatu amaun tidak melebihi tiga puluh peratus daripada lebihan semasa tahunannya selepas tahun ketiga pengendaliannya.

| Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | 2019 RM | 2018 RM (Dinyatakan Semula) |
|--|------------------|--------------------------------------|
| Bayaran 30% kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | <u>2,323,574</u> | <u>3,332,103</u> |

23) Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki tunai dan bank, deposit jangka pendek dan pelaburan yang lain berjangka pendek, berkecairan tinggi yang mempunyai tempoh matang yang singkat selama tiga bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan, selepas ditolak overdraf bank.

| | 2019 RM | 2018 RM |
|--------------------------------------|--------------------------|--------------------------|
| Simpanan Tetap* | 40,200,000 | 20,200,000 |
| Tunai Di Bank Dan Di Tangan (Nota 7) | <u>27,382,652</u> | <u>22,896,403</u> |
| | <u>67,582,652</u> | <u>43,096,403</u> |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|--------------------------|--------------------------|
| *Simpanan Tetap (Nota 6) | | |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) | 10,200,000 | 10,200,000 |
| OCBC Al-Amin Bank | 15,000,000 | 10,000,000 |
| Bank Simpanan Nasional | 15,000,000 | - |
| | <u>40,200,000</u> | <u>20,200,000</u> |

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2019**

| 24) Komitmen Modal | 2019 | 2018 |
|--------------------------------|-------------------|--------------------|
| | RM | RM |
| Perbelanjaan Modal | | |
| Diluluskan dan terikat untuk:- | | |
| Pembelian Bangunan | 88,907,572 | 162,178,217 |

25) Pelarasan Tahun Lepas

Kesan kepada kedudukan kewangan setelah mengambil kira pembetulan kesilapan asas adalah seperti berikut :

| | Seperti dinyatakan sebelum ini | *Perubahan tahun lepas | Dinyatakan semula |
|---|---------------------------------------|-------------------------------|--------------------------|
| | RM | RM | RM |
| <u>Pada 31 Disember 2018</u> | | | |
| Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar | 10,515,020 | (5,402,718) | 5,112,302 |
| Pelbagai pembiutang dan akruan | 21,391,599 | (1,620,816) | 19,770,783 |
| Lebihan terkumpul | 128,767,269 | (3,781,902) | 124,985,367 |

Kesan kepada penyata prestasi kewangan setelah mengambil kira pembetulan kesilapan asas adalah seperti berikut :

| | Seperti dinyatakan sebelum ini | *Perubahan tahun lepas | Dinyatakan semula |
|--|---------------------------------------|-------------------------------|--------------------------|
| | RM | RM | RM |
| <u>Pada 31 Disember 2018</u> | | | |
| Hasil Bukan Operasi | 10,286,815 | (5,402,718) | 4,884,097 |
| Peruntukan bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | (4,952,919) | 1,620,816 | (3,332,103) |
| Lebihan hasil selepas bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | 11,556,809 | (3,781,902) | 7,774,907 |

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

25) Pelarasan Tahun Lepas (sambungan)*** Perubahan Tahun Lepas:**

- 1) Kesan kepada kedudukan dan prestasi kewangan, jumlah Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar serta Hasil Bukan Operasi adalah termasuk RM5,402,718. Perincian adalah seperti berikut:

| Perkara | RM |
|--|------------------|
| Terlebih Nyata: | |
| Faedah simpanan tetap | 5,552,847 |
| Pengkelasan semula hasil tahun 2017 & 2018 | 49,191 |
| Pengkelasan semula aset | 71,161 |
| Terkurang Nyata: | |
| Pengemaskinian Akaun Topup IP Online | (270,481) |
| JUMLAH | 5,402,718 |

- 2) Pelarasan bagi pelbagai pemutang dan akruan adalah perbezaan Peruntukan bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan setelah dinyatakan semula bagi tahun 2018.
- 3) Pelarasan bagi lebihan terkumpul adalah perbezaan lebihan hasil selepas bayaran kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan setelah dinyatakan semula bagi tahun 2018.

HUBUNGI KAMI

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA IBU PEJABAT

Unit 1-7, Aras Bawah, Tower B, Menara UOA
Bangsar, No. 5, Jalan Bangsar Utama 1,
59000 Kuala Lumpur

Tel : +603-22998400
Faks : +603-22998989
Emel : ipmalaysia@myipo.gov.my

ZON UTARA

No 77 Tingkat Bawah, Jalan Todak 6, Sunway Perdana, 13700 Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

Tel : +604-3830403
Faks : +604-3831792

ZON TENGAH

Lot 1-24 & 1-25 Aras 1, Menara MITC Jalan Konvensyen, Kompleks MITC, 75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : +606-2324733
Faks : +606-2324727

ZON SELATAN

P3-UTC-03&04, Podium 3, Menara Ansar, Jalan Trus 80000 Johor Bahru, Johor

Tel : +607-2222873
Faks : +607-2222870

ZON TIMUR

A21-GF, NO 1&2, Blok A, Kuantan Perdana, Commercial Centre, Jalan Tun Ismail 1, 25000 Kuantan, Pahang

Tel : +609-5173749
Faks : +609-5173776

SABAH

Unit No 11, Tingkat 2 & Tingkat 3, Blok B, Warisan Square, Jalan Tun Fuad Stephens, Beg Berkunci 2068, 88999 Kota Kinabalu, Sabah

Tel : +6088-233571
Faks : +6088-257046

SARAWAK

Lot 9936 (Sub Lot 5), Tingkat 3, Queen's Court, Blok E, Jalan Wan Alwi, 93350 Kuching, Sarawak

Tel : +6082-233571
Faks : +6088-257046





www.myipo.gov.my